

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
2018

HARI SELASA : 16 OKTOBER 2018

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG
[ISKANDAR PUTERI]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2018 (SELASA)

SOALAN NO. 1

minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk Mengurangkan pencemaran plastik di lautan selain daripada pengharaman penggunaan *straw* minuman.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pencemaran sisa plastik merupakan salah satu isu utama alam sekitar di Malaysia. Menurut satu kajian saintifik yang diterbitkan di jurnal *Science* pada tahun 2015, Malaysia berada di tangga ke-8 dalam pencemaran sisa plastik yang tidak diurus (*mismanaged plastic*). Negara kita menghasilkan hampir satu bilion tan sampah sisa plastik dan sekitar 15 hingga 40% dari sampah tersebut hanyut ke perairan (sungai dan laut).

Sisa plastik yang tidak diurus dengan baik akan memberi kesan negatif kepada alam sekitar, kesihatan dan ekonomi negara. Plastik berasaskan petroleum mengambil tempoh masa yang lama untuk terurai dengan julat kitar hayat (*life cycle*) 20 tahun hingga 500 tahun mengikut jenis produk. Terdapat juga plastik yang akan terurai menjadi mikroplastik yang boleh memasuki rantai makanan dan menjejaskan kehidupan akuatik serta kesihatan manusia.

Semasa mesyuarat Jemaah Menteri pada 18 Julai 2018, YAB Perdana Menteri telah menegaskan adalah wajar dikenakan larangan kepada produk-produk plastik bermula dengan beg plastik dan straw di samping menggalakkan produk-produk mesra alam dan boleh diguna semula.

Oleh itu, MESTECC telah mengkaji inisiatif yang telah diambil oleh pelbagai negara dalam menangani pencemaran sisa plastik.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini,

Mengikut satu laporan 2018 oleh *United Nations Environment Programme* (UNEP) bertajuk *Single-Use Plastic: A Roadmap for Sustainability*, terdapat negara-negara yang telah cuba mengharamkan (*ban*) beg plastik berasaskan petroleum (beg plastik) tetapi tidak berjaya kerana kesukaran penguatkuasaan. Selain itu, kita juga perlu tahu bahawa industri plastik di Malaysia menyumbang sebanyak RM30 bilion kepada pendapatan negara.

NO. SOALAN :1

Dengan itu, isu pencemaran plastik ini perlu ditangani melalui pendekatan yang holistik dengan mengambil kira kepentingan awam, industri plastik dan kelestarian alam sekitar.

Kementerian ini dengan kerjasama kementerian dan agensi lain khususnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Wilayah (KW), pihak kerajaan negeri, sama ada negeri kerajaan ataupun pembangkang, serta *stakeholders* yang lain seperti pemain industry, NGO-NGO dan lain-lain telah bekerjasama dalam membangunkan Roadmap Towards Zero Single-Use Plastics (Roadmap), 2018-2030.

Saya juga telah mengadakan satu sesi *Townhall* bersama dengan semua *stakeholders* pada 24 September 2018 untuk mendapat input pelbagai sektor.

Selepas 3 bulan persiapan, *roadmap* ini sekarang telah sedia untuk dilancarkan pada 17 Oktober 2018 sempena Bio@IGEM semasa *International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference* (IGEM) Malaysia 2018 di KLCC.

Roadmap ini melakar hala tuju negara kita untuk menurunkan penggunaan *single-use plastic* serta menyatakan dasar-dasar kerajaan yang bertujuan untuk memangkin pertumbuhan industri bioplastik dan alternatif mesra alam sebagai penggantian produk single-use plastic.

Kita perlu tahu bahawa dunia kita sedang mengalami masalah pencemaran plastik dan isu ini akan menjadi lebih serius dengan pertumbuhan populasi dunia yang dijangka mencapai 10 billion menjelang 2050.

Pengguna sedunia memerlukan alternatif kepada plastik konvensional seperti bioplastik yang boleh dibiodegradasi (*biodegradable plastic*).

Dengan itu, industri pekilangan hijau yang menghasilkan produk mesra alam yang boleh terurai (*biodegradable*) ada potensi tinggi bukan sahaja untuk pasaran Malaysia tetapi seluruh dunia. Malaysia perlu menjadi

penggerak utama dalam industri ini dengan melabur dari segi R&D dan rangka polisi.

MESTECC berharap dengan roadmap ini boleh membantu Malaysia untuk berubah dari negara yang popular dengan pencemaran plastik ke negara yang popular dengan plastik mesra alam.

Isu Antarabangsa

Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian,

Selain daripada usaha dalam negara untuk mengurangkan kegunaan single-use plastic, saya ingin menarik perhatian dan memaklumkan dewan yang mulia ini bahawa isu pencemaran plastik adalah isu antarabangsa dan memerlukan cara penyelesaian antarabangsa.

Kita sering kali dengar negara-negara maju melaporkan kadar kitar semula plastik yang tinggi dan fikir mereka lebih mesra alam. Tetapi hakikatnya ialah apa, mereka melaporkan kadar pengasingan sisa pepejal mereka dan kebanyakan sisa plastik yang telah diasingkan itu dan kadang-kala ada yang tidak boleh dikitar semula (*non-recyclable*), mereka eksport ke negara lain dan negara China adalah destinasi popular sebelum ini. Ini adalah tindakan yang sangat hipokrit.

Satu kajian telah diterbitkan di *Science Advances* pada 20 Jun 2018 dan menunjukkan bahawa pengharaman impot sisa plastik ke negara China akan menyebabkan sisa plastik sejumlah 111 juta metric ton tiada tempat pemergian dari 2018-2030.

Kita perlu tahu bahawa lautan dunia adalah saling berhubungan. Walaupun sisa-sisa ini, terutamanya sisa plastik yang non-recyclable, tidak sampai ke Malaysia, jika ia sampai ke negara-negara jiran kita ataupun negara lain dan mereka tidak mengendali sisa-sisa ini dengan baik, ia akan menyebabkan pencemaran lautan di Malaysia juga. *We have a transboundary marine litter problem.* Dengan izin.

NO. SOALAN :1

Sehubungan itu, Kementerian ini akan bersuara tentang pergerakan sisa plastik di peringkat antarabangsa. Dalam hal ini, saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa Malaysia merupakan salah sebuah Parti kepada Konvensyen Basel (*Basel Convention on the Control of Transboundary Movements of Hazardous Wastes and Their Disposal*) yang bertujuan mengawal pergerakan sisa merbahaya merentas sempadan antarabangsa dan khususnya untuk menghalang pemindahan sisa merbahaya dari negara maju kepada negara membangun.

Pada masa ini, sisa plastik diklasifikasikan di bawah Annex IV Konvensyen tersebut iaitu kategori sisa yang tidak dikawal di bawah Konvensyen Basel (bermaksud di luar skop Konvensyen Basel).

Walaupun, pada bulan Jun yang lepas, Kerajaan Norway telah mengemukakan cadangan agar sisa plastik dikeluarkan daripada Annex IV dan dimasukkan ke dalam Annex II, iaitu kategori sisa yang memerlukan pertimbangan khas (*categories of wastes requiring special consideration*) dan dikawal di bawah Konvensyen Basel. Kerajaan Malaysia telah bersetuju dengan cadangan tersebut dan kini memberikan sokongan yang penuh kepada Kerajaan Norway di dalam rundingan antarabangsa supaya cadangan ini dipersetujui dan diamalkan secepat mungkin.

Sementara itu, Kementerian akan mengambil langkah-langkah untuk menyampaikan mesej ke negara-negara maju supaya tidak mengeksport sisa plastik yang tercemar atau tidak boleh dikitar semula ke negara-negara membangun, tetapi kendali sisa-sisa ini di negara mereka sendiri.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN
IDRIS
[JERANTUT]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2018 (SELASA)

SOALAN NO. 2

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan program-program yang bakal dilaksanakan oleh Kementerian bagi melahirkan sejuta usahawan kecil dan sederhana dalam tempoh lima tahun akan datang serta strategi Kementerian untuk menarik generasi muda merebut peluang tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kenyataan dalam soalan oleh YB Jerantut ini adalah kurang tepat. Izinkan saya untuk membuat sedikit pembetulan mengenai apa yang dimaksudkan oleh Kementerian berhubung perkara ini.

Untuk lima tahun akan datang, Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) komited untuk menyumbang kepada pewujudan sejuta peluang pekerjaan melalui pembangunan usahawan tersasar seramai 250 ribu. Dalam erti kata lain, Kementerian mensasarkan untuk melahirkan sebanyak 50 ribu usahawan dari golongan B40, M40 dan usahawan sosial setahun untuk tempoh lima tahun akan datang.

Sebagai Kementerian yang telah dipertanggungjawabkan bagi membangunkan para usahawan tempatan secara komprehensif dan holistik, Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) akan memastikan program-program keusahawanan yang dirangka boleh memberikan impak yang besar kepada ekonomi negara dari aspek peningkatan jumlah usahawan tempatan yang berjaya dibangunkan, kualiti produk dan perkhidmatan yang dihasilkan serta pasaran eksport yang diterokai. Sasaran di bawah Pelan Induk PKS telah menetapkan bahawa PKS boleh menyumbang sebanyak 41% kepada KDNK, 65% kepada gunatenaga dan 23% kepada eksport menjelang tahun 2020. Kementerian bercadang untuk mengkaji semula dan mempercepatkan pelaksanaan sasaran-sasaran tersebut misalnya mencapai sumbangan 42% kepada KDNK menjelang 2020.

Selain itu, MED juga telah berkerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bagi mewujudkan satu Dana Pemerkasaan dan Keusahawanan Anak Muda seperti yang dijanjikan dalam Manifesto Pakatan Harapan merangkumi cadangan 67 program dan inisiatif dengan implikasi kewangan sebanyak RM1 bilion bagi tahun 2019. Cadangan ini merupakan dapatan bengkel Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) Pembudayaan dan Pemerkasaan Keusahawanan Anak Muda yang telah diadakan pada 25 September 2018. Cadangan tersebut akan diangkat untuk kelulusan Jemaah Menteri dalam masa terdekat. Dana ini akan meliputi empat kategori iaitu :

- a) Latihan dan Pembangunan Modal Insan;
- b) Pembiayaan;
- c) Akses kepada Pasaran; dan
- d) Inovasi dan Infrastruktur.

MED yakin bahawa inisiatif dan program yang dicadangkan untuk usahawan anak muda di bawah satu dana akan dapat memastikan bahawa semua program dan aktiviti yang dirancang dapat dipantau dan diselaras dengan lebih holistik dan komprehensif. Selain itu juga, inisiatif ini dapat mengurangkan pertindihan fungsi dan program keusahawanan di Kementerian/Agensi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2018 (SELASA)

SOALAN NO. 3

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) statistik kemasukan pelajar ke kolej vokasional dari 2013 sehingga 2018; dan
- (b) sasaran Kementerian untuk menyelesaikan isu akreditasi persijilan graduan kolej vokasional bersama Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), sehingga mengakibatkan mereka terkandas.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Enrolmen pelajar program Kolej Vokasional (KV) pada tahun 2013 adalah seramai 15,916 orang, tahun 2014 seramai 18,022 orang, tahun 2015 seramai 17,544 orang, tahun 2016 seramai 12,875 orang, tahun 2017 seramai 16,728 orang dan tahun 2018 seramai 14,243 orang.

- (b) Semua program Diploma Vokasional Malaysia (DVM) oleh Kolej Vokasional (KV) perlu melalui prosedur penilaian akreditasi semasa. Semenjak Jun 2016 sehingga kini, Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) telah menerima sebanyak 615 program untuk penilaian akreditasi.

Daripada jumlah tersebut, 510 program (83%) telah mendapat akreditasi sementara.

Untuk penilaian akreditasi penuh, sebanyak 428 program telah diterima untuk penilaian akreditasi. 12 program DVM oleh KV telah mendapat Akreditasi Penuh. Manakala 54 program dalam proses memenuhi syarat-syarat untuk akreditasi penuh. Sebanyak 362 program pula sedang menjalani proses penilaian dan perlu mematuhi syarat-syarat bagi mendapat akreditasi penuh yang dijangka selesai pada pertengahan tahun 2019.

Lulusan DVM boleh menyambung pengajian ke program ijazah sarjana muda di institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) atau institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) tertakluk kepada kelulusan Senat IPTA atau IPTS dan mengambil kira penyetaraan Sijil Vokasional Malaysia dengan 3 kredit Sijil Pelajaran Malaysia seperti yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia.

Pada masa ini, KPM sedang membangunkan program bersama-sama dengan *Malaysian Technical University Network* (MTUN) untuk memperkasakan laluan TVET terutamanya untuk pelajar lulusan DVM.

Lulusan DVM juga boleh mendapatkan pekerjaan di industri tertakluk kepada syarat dan ketetapan majikan.

RJM09

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN
YUSOF [PETRAJAYA]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2018 (SELASA)

SOALAN : 4

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan adakah pihak Kerajaan akan meneruskan projek infra luar bandar Sarawak seperti pembinaan jambatan-jambatan terutamanya di jaringan jalan pesisir Sarawak kerana ianya penting untuk meningkatkan sosioekonomi luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Behormat, pihak Kementerian sentiasa komited bagi melaksanakan projek infrastruktur luar bandar terutamanya di Negeri Sarawak. Projek-projek jalan dan jambatan yang telah dirancang sebelum ini akan diteruskan pelaksanaannya bagi menyediakan akses jaringan jalan raya yang selesa dan meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk terutamanya di kawasan luar bandar. Bagi Rancangan Malaysia Kesebelas (2016-2018), sebanyak 33 projek Jalan Luar Bandar telah diluluskan pelaksanaannya untuk negeri Sarawak dengan kos keseluruhan sebanyak RM1.67 billion yang merangkumi 12 projek pada tahun 2016, 15 projek pada tahun 2017 dan 6 projek pada tahun 2018.

Sesi libat urus juga telah diadakan oleh Kementerian bersama pihak Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi (EPU, MEA) dan telah bersetuju supaya kesemua 6 projek pada tahun 2018 yang belum dikeluarkan Surat Setuju Terima (SST) akan diteruskan dengan melaksanakan tender secara terbuka (open tender).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
[KAPAR]
TARIKH : 16 OKTOBER 2018 (SELASA)

SOALAN NO. 5

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan komitmen untuk membina sebuah hospital dalam kawasan Kapar yang mempunyai keperluan tersebut terlalu tinggi dengan kepadatan penduduk seramai lebih 200,00 orang penduduk.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kerajaan sememangnya bercadang untuk membangunkan sebuah hospital berpakar di daerah Kapar memandangkan terdapatnya keperluan mendesak bagi penduduk setempat. Buat masa ini, perancangan skop projek tersebut sedang dimuktamadkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Selangor bagi menentukan perkhidmatan yang bakal disediakan di sana. Kewujudan hospital baharu ini nanti dijangka dapat menyelesaikan isu akses ke hospital terdekat serta dapat mengurangkan kesesakan di Hospital Klang.

Untuk makluman juga, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor yang bersidang pada 18 Julai 2018 telah menimbang dan meluluskan permohonan pemberimilikan tanah kerajaan seluas lebih kurang 202,347 meter persegi (50 ekar) di Persiaran Hamzah Alang, Mukim Kapar, Daerah Klang bagi tujuan tapak Hospital Kapar. Kadar premium yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri adalah $\frac{1}{4}$ daripada harga pasaran namun masih terlalu tinggi dan Kementerian tidak mempunyai kemampuan untuk membayar perolehan tanah berkenaan. Rayuan pengurangan kadar premium telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri untuk pertimbangan sebelum langkah selanjutnya dapat diambil.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT KEDUA,
PENGGAL PERTAMA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN
AHMAD
(MERSING)

TARIKH : 16 OKT 2018
(SELASA)

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan usaha Kementerian serta Majlis Industri Pertahanan Malaysia (MIPM) dalam membantu syarikat industri pertahanan tempatan bagi menyediakan keperluan pertahanan negara ke arah menjadikan Angkatan Tentera Malaysia yang *self-reliance*, sambil menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT KEDUA,
PENGGAL PERTAMA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
(PASIR MAS)

TARIKH : 23 OKT 2018 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sejauh mana keseriusan Kementerian Pertahanan membangunkan keupayaan industri pertahanan tempatan dan adakah prioriti perolehan diambil daripada sumber tempatan berbanding pihak asing.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terlebih dahulu izinkan saya untuk menjawab soalan ini secara bersekali dengan pertanyaan yang dibangkitkan oleh YB Pasir Mas pada tarikh 23 Oktober 2018, giliran no. 6 kerana isu yang dibangkitkan adalah sama iaitu berkaitan dengan industri pertahanan negara.

Kementerian Pertahanan bersama dengan Majlis Industri Pertahanan Malaysia (MIPM) atau *Malaysia Industry Council for Defence, Enforcement and Security* (MIDES) sentiasa bekerjasama dalam usaha membangunkan syarikat industri pertahanan tempatan. MIPM merupakan platform antara kementerian dan syarikat tempatan bagi membincangkan isu-isu berkaitan industri serta memberikan

panduan serta hala tuju kepada syarikat pertahanan, penguatkuasaan dan keselamatan tempatan. Selain itu, MIPM turut menyertai pelbagai pameran pertahanan antarabangsa bagi mengukuhkan dan memberi keyakinan kepada para pemain industri antarabangsa terhadap keupayaan syarikat Malaysia. Terkini, MIPM menyertai pameran pertahanan *Asian Defense, Security & Crisis Management Exhibition & Conference 2018* (ADAS 2018) di Manila, Filipina pada September 2018 dan INDO Defence 2018 di Indonesia pada November 2018, dimana pameran-pameran ini merupakan yang terbesar di negara-negara berkenaan.

Melalui inisiatif ini, MIPM membuka laluan kerjasama secara *Government To Government (G2G)*, *Government To Business (G2B)* dan *Business to Business (B2B)* kepada syarikat pertahanan tempatan bersama syarikat antarabangsa. Hal ini mendorong kepada peluasan jaringan perniagaan syarikat tempatan serta membuka peluang untuk proses *Transfer of Technology (ToT)* melalui usaha kerjasama *customization* produk atau servis antara syarikat tempatan dan antarabangsa. Perkara ini dijangka dapat meningkatkan keupayaan dan kemampuan syarikat-syarikat pertahanan tempatan dalam membangunkan sendiri produk-produk pertahanan secara tempatan dan seterusnya boleh memacukan Angkatan Tentera Malaysia ke arah menjadi *self-reliant* di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua,

Berkenaan soalan berkaitan prioriti perolehan diambil dari sumber tempatan, sememangnya dasar perolehan kerajaan memberikan keutamaan kepada sumber tempatan berbanding dengan barangan buatan luar negara selaras dengan 1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP), dimana setiap agensi hendaklah memasukkan syarat ini ke dalam dokumen tender atau sebutharga dan kontrak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA , PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN WONG SHU QI
[KLUANG]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2018 (SELASA)

SOALAN NO. 7

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan kedudukan kewangan Perbadanan Stadium Malaysia, serta perincian setiap syarikat panel kontraktor KL Sports City, termasuk sama ada mereka dilantik secara tender terbuka, justifikasi pelantikan serta pendapatan KL Sports City.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedudukan Kewangan Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) dari tahun 2015 sehingga 30 September 2018 adalah seperti berikut :

TAHUN	KEDUDUKAN KEWANGAN TANPA GERAN (RM)
2015	-20 juta
2016	-26.6 juta
2017	-32.7 juta
2018 (Sehingga 30 September)	-12.9 juta

2. PSM telah melantik Panel Kontraktor dan ia akan digunakan oleh penganjur setiap kali acara supaya kepentingan PSM sentiasa terpelihara. PSM menggunakan lantikan yang dibuat oleh perunding PSM iaitu Total Sports Asia (TSA). TSA merupakan perunding pemasaran yang oleh dilantik oleh PSM pada 11 Februari 2016 melalui *Request For Proposal* setelah mendapat kelulusan dari Lembaga PSM.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, justifikasi pelantikan panel adalah mengambil kira perkara-perkara seperti berikut:
 - i. Memastikan kepentingan aset Kerajaan sentiasa terpelihara termasuk dari segi keselamatan kawasan venue dan persekitaran, kawalan kerja yang dilaksanakan, penjagaan venue serta memahami tatacara dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh PSM. Ini bertujuan melindungi fasiliti dan kemudahan di KL Sports City yang baru dinaiktaraf dan dibaikpulih untuk penganjuran Sukan SEA 2017 lepas; dan
 - ii. memastikan tiada kerugian kepada Kerajaan memandangkan bayaran deposit yang dikenakan agak rendah untuk menanggung kos kerosakan (sekiranya ada) dan kebanyakan penganjur tidak mahu menanggung kerosakkan tersebut selepas acara selesai.
4. KBS akan mengambil langkah menambahbaik sistem sewaan fasiliti dan kemudahan KL Sports City termasuk mengkaji semula sistem panel syarikat yang dilaksanakan sebelum. Selain itu, rombakan dalam Ahli Lembaga Pengarah PSM telah dibuat dengan melantik individu-individu yang berpengalaman dan berpotensi untuk menjana pendapatan kepada PSM. Ianya selaras dengan hasrat menjadikan KL Sports City menjadi pilihan venue penganjuran acara diperingkat nasional dan antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI AWANG BIN HASHIM
[PENDANG]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2018 (SELASA)

SOALAN NO.8

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan:

- (a) Adakah Dasar Ekonomi Baru (DEB) akan diteruskan; dan
- (b) Apakah perancangan mikro dan makro untuk menggerakkan ekonomi Bumiputera termasuk orang asal, Bumiputera Sabah dan Sarawak selain daripada Kongres Bumiputera.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Dasar Ekonomi Baharu (DEB) yang memberi penekanan kepada serampang dua mata iaitu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat bagi merapatkan jurang ekonomi dalam kalangan rakyat Malaysia telah tamat pada tahun 1990. Walau bagaimanapun, semangat DEB diteruskan di bawah dasar-dasar selepasnya, iaitu Dasar Pembangunan Nasional (DPN), Dasar Wawasan Negara (DWN) dan Model Ekonomi Baru (MEB) dalam usaha ke arah mencapai matlamat kesaksamaan sosioekonomi dan matlamat perpaduan negara.

Kerajaan melihat bahawa pelaksanaan dasar dan semangat DEB masih kekal relevan malahan akan terus diperkasakan melalui dasar-dasar baharu yang lebih strategik bersesuaian dengan keperluan semasa. Kerajaan juga berpendirian bahawa masih terdapat ruang yang boleh ditambah baik terutama melibatkan kepentingan Bumiputera serta kaum-kaum yang lain di Malaysia supaya proses pelaksanaannya lebih telus dan bertanggungjawab.

Sebagai Kerajaan yang peduli rakyat, pengagihan ekonomi mestilah dilakukan secara adil kepada semua rakyat mengikut keperluan masing-masing. Dalam langkah Kerajaan untuk meneliti semula dasar-dasar

utama negara, pembangunan sosioekonomi Bumiputera akan tetap menjadi agenda penting tanpa meminggirkan kaum-kaum lain di negara ini. Dalam hal ini, usaha berkaitan akan diteruskan khususnya untuk membangunkan potensi Bumiputera bagi meningkatkan penyertaan mereka dalam ekonomi negara dan seterusnya mencapai matlamat pengagihan kekayaan yang lebih saksama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi pertanyaan soalan (b), untuk menjelaskan perkara berkaitan perancangan mikro dan makro untuk menggerakkan ekonomi ini akan diterjemahkan pada sesi pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe-11) oleh YAB Perdana Menteri pada hari Khamis (18 Oktober 2018), jam 4.00 petang. Oleh yang demikian, semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dialu-alukan untuk turut serta dalam sesi perbahasan KSP RMKe-11.

Sekian, terima kasih.
16 Oktober 2018

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

**PEMBERITAHU PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AWANG HUSAINI BIN SAHARI
[PUTATAN]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2018 (SELASA)

SOALAN NO. 9

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang akan menambah bilangan Sekolah Berasrama Penuh (SBP) di Sabah yang hanya terdapat 2 buah sahaja daripada 68 buah di Malaysia terutamanya di pedalaman negeri Sabah.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Pada masa kini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak mempunyai cadangan untuk membina Sekolah Berasrama Penuh (SBP) yang baharu. Fokus utama KPM adalah untuk menaik taraf SBP sedia ada agar dapat menyediakan kemudahan dan iklim pembelajaran yang kondusif dan sempurna. Bagi negeri Sabah, terdapat dua (2) SBP iaitu Sekolah Menengah Sains Sabah dan Sekolah Menengah Sains Lahad Datu, serta Sekolah Menengah Sains Labuan. Oleh itu, SBP sedia ada masih mampu menampung keperluan masyarakat. Di samping tu, murid dari negeri Sabah juga boleh dihantar ke SBP negeri-negeri lain bergantung kepada persetujuan ibu bapa masing-masing.

RJM06

SOALAN NO : 10

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI

KAWASAN : DUNGUN

TARIKH : 16 OKTOBER 2018, SELASA

SOALAN :

YB TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sejauh mana kajian berkait dengan pemasangan tanda amaran had laju di semua lokasi jalan raya yang tidak lagi relevan atau sesuai dengan pengguna jalan raya sekarang.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian ini mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Dungun yang perihatin terhadap pemasangan tanda amaran had laju di semua lokasi jalan raya. Kementerian ini berpandangan pemasangan tanda amaran had laju serta papan tanda amaran lain adalah sangat relevan dan penting demi keselamatan pengguna jalan raya walaupun pada masa kini berada di zaman ledakan teknologi.

Kementerian ini melalui agensi pelaksana bagi kerja-kerja pemasangan tanda amaran had laju sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa sesuai dengan keadaan semasa. Pemasangan papan tanda amaran had laju dan tanda amaran lain adalah mengikuti arahan teknik jalan JKR iaitu ***Guideline Sign Design And Application ATJ 2E/87 Pindaan 2015***. Arahan teknik ini adalah pindaan terbaru dan mengikut kesesuaian sekarang.

Manakala bagi penentuan had laju adalah merujuk kepada Seksyen 69(2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333), kuasa Menteri Kerja Raya untuk menetapkan **had laju tempatan** dengan syarat tidak boleh melebihi had laju kebangsaan (**90 km/jam di jalan raya biasa** dan **110 km/jam di lebuh raya bertol**). JKR sebagai jabatan pelaksana sentiasa mengemaskini papan tanda had laju sedia ada dengan mengenalpasti bahagian atau segmen jalan yang memerlukan pengwujudan had laju tempatan berpandukan garis panduan ***Guideline For Selection Of Speed Limit*** (JKR Malaysia). Pengwujudan had laju tempatan ini juga mengambil kira permintaan orang ramai, nasihat daripada Majlis Keselamatan Jalan Raya, Jawatankuasa Penasihat Lalulintas Tempatan (*Local Traffic Advisory Committee*) dan juga pihak PDRM.

Bagi proses pewartaan penurunan had laju ke bawah dari 90km/jam yang dilakukan pada musim perayaan, adalah berpandukan kepada **Prosedur Pewartaan Had Laju Di Jalan Persekutuan**. Kementerian sedia ada maklum dan sentiasa memastikan keperluan pemasangan papan tanda amaran had laju

ini dikemaskini mengikut keperluan terkini. Namun begitu kementerian ini berharap agar pengguna jalan raya juga dapat mematuhi dan mengikuti amaran had laju yang tertera pada papan amaran had laju demi keselesaan dan keselamatan bersama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIE ANAK MONGIN
[PUNCAK BORNEO]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2018 (SELASA)

SOALAN NO. 11

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan hala tuju dan apakah tindakan Kementerian terhadap guru-guru dan pegawai pendidikan yang masih terlibat secara aktif dalam politik dengan Kerajaan terdahulu, mensabotaj usaha Kerajaan dan bersekongkol dengan pembangkang untuk memburukkan Kerajaan Baru Pakatan Harapan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Pegawai Perkhidmatan Pendidikan sebagai penjawat awam hendaklah **pada setiap masa dan pada setiap ketika memberikan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada Yang di-Pertuan Agong, negara dan Kerajaan** seperti dinyatakan di **Peraturan 4**, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Pelibatan guru-guru dan pegawai pendidikan dalam politik adalah tertakluk kepada Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) seperti berikut:

1. **Peraturan 21 (1)**, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U(A)395/1993] menyatakan beberapa **larangan**, antaranya ialah **pemakaian lambang** sesuatu parti politik serta membuat apa-apa **pernyataan awam yang memberikan sesuatu pandangan yang berat sebelah atas apa-apa perkara yang menjadi isu di antara parti-parti politik**;
2. **Peraturan 21(2)**, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U(A)395/1993] membolehkan kakitangan dalam **Kumpulan Sokongan mengambil bahagian dalam aktiviti politik dengan kebenaran bertulis** Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau Ketua Setiausaha; dan
3. **Peraturan 21(2A)**, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U(A)395/1993] (Pindaan 2010) **membenarkan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 hingga Gred DG48 di institusi pendidikan yang tidak memegang jawatan dalam pentadbiran mengambil bahagian dalam aktiviti politik dengan kebenaran bertulis** Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan.

Sekiranya guru-guru dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan melanggar sebarang peraturan yang termaktub seperti dinyatakan di atas, tindakan sewajarnya akan diambil selaras dengan peraturan yang dinyatakan di dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

RJM08

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA
[PARIT]
TARIKH : 16 OKTOBER 2018 (SELASA)

Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA menyatakan :-

- a) apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian terhadap kes keracunan arak sehingga menyebabkan kematian baru-baru ini; dan
- b) adakah terdapat sebarang cadangan atau usaha oleh pihak Kementerian untuk menghentikan lesen pengusaha arak serta samsu di kedai-kedai ubat dan runcit.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) tidak terlibat secara langsung dalam perdagangan minuman beralkohol. Kementerian ini hanya terlibat sekiranya terdapat pelanggaran cap dagangan (barang tiruan) yang mana tindakan adalah berdasarkan Akta Perihal Dagangan 2011.

SOALAN NO. 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]

TARIKH : 16 OKTOBER 2018

SOALAN : 13

Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kementerian bercadang menggubal Undang-Undang Anti Lompat Parti bagi memastikan wakil rakyat yang keluar parti mengosongkan kerusi yang dimenangi demi tidak mengkhianati kepercayaan para pengundi.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan **sentiasa terbuka terhadap cadangan penambahbaikan berkaitan penggubalan undang-undang** daripada pelbagai pihak. Berhubung dengan cadangan untuk menggubal Undang-Undang Anti Lompat Parti, Suruhanjaya Pilihan Raya berpandangan bahawa buat masa ini, setiap warganegara dijamin hak untuk bebas berpersatuan. Ini adalah selaras dengan Perkara 10(1)(c) Perlembagaan Persekutuan. Hak untuk bebas berpersatuan ini turut telah dibincangkan dalam keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes Dewan Undangan Negeri Kelantan & Anor. V Nordin bin Salleh & Anor. [1992] 1 CLJ Rep masih terpakai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK AARON AGO DAGANG [KANOWIT]

TARIKH : 16 OKTOBER 2018 (SELASA)

SOALAN NO. 14

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pelan tindakan Kementerian terhadap masalah kekurangan tenaga pengajar bagi sekolah di Sarawak. Apakah sebenarnya kriteria Kementerian dalam memilih dan menempatkan guru interim di Sarawak.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga pengajar di Sarawak adalah seperti yang berikut;

1. pelaksanaan penempatan guru baharu keluaran Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan universiti awam (UA) dari kalangan kelahiran Negeri Sarawak;
2. meningkatkan pengambilan pelajar pendidikan dalam kalangan anak kelahiran Sarawak di IPGM dan UA; dan
3. pengambilan guru baharu kelahiran Sarawak daripada graduan pasaran terbuka (*open market*) berdasarkan keperluan opsyen tertakluk kepada skim Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang sedang berkuat kuasa.

Manakala kriteria untuk pelantikan sebagai guru interim (akademik) di Sarawak, calon mestilah memiliki:

1. Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf;
2. mendapat kepujian (kredit) Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia dan lulus ujian lisan;
3. lulus Ujian Kelayakan Calon Guru (UKCG);
4. lulus dan mendapat markah cemerlang semasa temu duga; dan
5. memiliki CGPA 3.00 (tidak boleh kurang daripada 2.8 bagi opsyen atau major/minor yang diperlukan).

RJM07

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' MANSOR OTHMAN[NIBONG TEBAL]

TARIKH : 16 OKTOBER 2018

SOALAN : 15

Dato' Mansor Othman [Nibong Tebal] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah dan peratusan pegawai-pegawai Kerajaan yang berpendapatan (gaji mereka) kurang dari RM5000 sebulan dan apakah perancangan Kerajaan membantu mereka bagi mengurangkan bebanan mengharungi kehidupan dalam suasana ekonomi yang semakin mencabar dewasa ini.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, struktur gaji Perkhidmatan Awam yang digunakan pada masa ini adalah Jadual Gaji Minimum Maksimum (JGMM). Penetapan struktur gaji minimum – maksimum bagi anggota sektor awam adalah berasaskan konsep gaji yang berpatutan untuk menyara keperluan asas iaitu makanan, pakaian dan perumahan. Gaji yang ditentukan adalah berdasarkan prinsip kadar upahan untuk kerja, kelayakan masuk dan latihan, relativiti dan pariti. Berdasarkan data daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) sehingga 30 Jun 2018, dari sejumlah 1,146,222 orang penjawat awam dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan (PAP) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) seramai 866,2701 (76%) penjawat awam yang menerima gaji kurang daripada RM5,000 iaitu pegawai Gred 44 dan ke bawah.

SOALAN : 15

Selain daripada gaji pokok, penjawat awam turut menerima Imbuhan Tetap dan elaun yang merupakan elemen tambahan yang bersifat tidak tetap dan akan berubah mengikut keperluan dan keadaan semasa yang diperuntukkan mengikut kadar atas kelayakan gred dan skim perkhidmatan masing-masing. Sekiranya mengambilkira unsur Imbuhan Tetap dan elaun bulanan yang diperuntukkan mengikut kadar

atas kelayakan gred dan skim perkhidmatan masing-masing, jumlah ini berkurangan kepada 742,5612 (65%) orang penjawat awam.

Bagi menjaga kebajikan penjawat awam, Kerajaan sentiasa dari semasa ke semasa membuat kajian semakan elaun dan juga gaji penjawat awam berdasarkan prinsip-prinsip tertentu dalam perkhidmatan.

Dalam melaksanakan kajian semakan elaun dan gaji tersebut, perlu diberi pertimbangan dan perhatian secara berhati-hati mengambil kira pelaksanaannya memberi implikasi kepada perbelanjaan mengurus yang tinggi serta kedudukan kewangan kerajaan.

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2018)

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 16 OKTOBER 2018 (SELASA)
DARIPADA : DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
[Pengerang]
SOALAN : 16

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membentangkan laporan terakhir yang dibentangkan oleh Committee on Institutional Reforms kepada Perdana Menteri dalam Parlimen ini dan bilakah Kerajaan akan mengeluarkan laporan tersebut untuk pandangan rakyat secara umum, sekiranya tidak bercadang mohon menyatakan alasan kepada keputusan tersebut.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Terlebih dahulu izinkan saya menjawab soalan pertanyaan-pertanyaan berkaitan Institutional Reform Committee (IRC), dengan izin atau dikenali Jawatankuasa Reformasi Institusi secara bersekali seperti yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat:

- a) **Tuan Lim Kit Siang** bertarikh **15 November 2018**; dan
- b) **Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary** bertarikh **10 Disember 2018**.

2. Ahli-Ahli Yang Berhormat, seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Jawatankuasa Reformasi Institusi (IRC) telah ditubuhkan oleh Majlis Penasihat Kerajaan (CEP) pada 15 Mei 2018 selepas kemenangan Pakatan Harapan dalam Pilihanraya Umum ke-14 yang lalu. IRC telah dipertanggungjawabkan mengkaji langkah-langkah dan cadangan penambahbaikan reformasi terhadap institusi-institusi penting negara ini.

2. Jawatankuasa ini dianggotai oleh lima orang ahli iaitu bekas Hakim Mahkamah Rayuan Dato' KC Vohrah; bekas hakim Mahkamah Rayuan dan Pesuruhjaya Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) Dato' Mah Weng Kwai; Presiden Persatuan Patriot Kebangsaan (Patriot) Brig. Jen. Dato' Mohamed Arshad Raji (B); Presiden Persatuan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (Hakam) Dato' S. Ambiga dan pakar perlembagaan dan pensyarah undang-undang Emeritus Profesor Datuk Dr. Shad Saleem Faruqi.

3. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan telah pun menerima laporan oleh IRC ini dan Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional atau lebih dikenali (GIACC) telah dipertanggungjawabkan untuk meneliti dan menyelaras pelaksanaan cadangan-cadangan yang dikemukakan di dalam laporan tersebut. Sebanyak 256 cadangan telah dikemukakan yang berkaitan 9 institusi penting iaitu Parlimen, Suruhanjaya Pilihanraya, Badan Kehakiman, Jabatan Peguam Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia,

Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM).

4. Daripada jumlah cadangan tersebut, sebanyak 223 cadangan adalah berkaitan dengan skop kerja governans, integriti dan pencegahan rasuah. Manakala, baki 33 cadangan adalah berkaitan dengan aspek komunikasi, media dan informasi. Untuk makluman dan perhatian Ahli Yang Berhormat, kesemua cadangan ini terlebih dahulu akan diteliti oleh Kementerian/ Agensi berkaitan sebelum dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk membuat keputusan pelaksanaannya.

5. Sehingga kini, terdapat 49 keputusan dan inisiatif telah diputuskan oleh JKKMAR untuk dilaksanakan. Antaranya adalah pemerkasaan institusi-institusi seperti Mahkamah, Parlimen, SPRM dan Jabatan Audit Negara agar peranannya lebih berkecuali dan dapat bertindak dengan lebih bebas. Inisiatif-inisiatif lain yang dipersetujui adalah penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC), peranan Biro Pengaduan Awam sebagai 'ombudsman', mekanisme perisytiharan harta dan mekanisme pelaporan penerimaan hadiah.

6. Ahli Yang Berhormat, cadangan Ahli Yang Berhormat untuk laporan tersebut didedahkan kepada umum akan hanya diputuskan setelah laporan-laporan tersebut diteliti dan diumumkan pelaksanaannya oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 16 OKTOBER 2018 (SELASA)

SOALAN : 17

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah SPRM sudah mengambil tindakan untuk menyiasat kes rasuah oleh ahli politik di Sarawak. Jika ada, apakah perkembangan siasatan tersebut.

JAWAPAN: YB Datuk Liew Vui Keong,
Menteri Di Jabatan Perdana Menteri

Yang Berhormat,

Sejak SPRM ditubuhkan pada tahun 2009, SPRM telah menjalankan siasatan melibatkan ahli-ahli politik diseluruh negara termasuk di Sarawak yang dikatakan melakukan perbuatan rasuah. Beberapa siasatan telah pun ditutup setelah dirujuk kepada Timbalan Pendakwaraya kerana tidak mempunyai keterangan yang mencukupi untuk tindakan pendakwaan dan terdapat juga siasatan yang masih diteruskan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN

[SUBANG]

TARIKH : 16 OKTOBER 2018 (SELASA)

SOALAN NO. 18

Minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- a) secara terperinci apakah dasar cukai ke atas minuman bergula (*tax on sweetened beverage*); dan
- b) berapakah hasil yang bakal dikutip dan apakah impak sosial dari pelaksanaan cukai soda ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pengenaan cukai ke atas minuman bergula merupakan cadangan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia di bawah *National Plan of Action for Nutrition of Malaysia III (2016-2025)* sebagai salah satu strategi untuk menangani isu peningkatan kos rawatan penyakit obesiti, diabetes dan penyakit-penyakit tidak berjangkit (NCD) yang dikaitkan dengan pemakanan. Pada masa ini, kajian terperinci mengenai pelaksanaan cadangan tersebut masih dijalankan oleh Kerajaan dan belum dimuktamadkan. Keputusan mutakhir dan muktamad akan dibuat apabila Belanjawan 2019 dibentangkan pada 2 November 2018.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN WONG HON WAI

TARIKH : 16 OKTOBER 2018 (SELASA)

SOALAN : 19

Tuan Wong Hon Wai (Bukit Bendera) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berikutan pengumuman Kerajaan pada Julai 2018 bahawa 9 agensi menjadi badan bebas melapor langsung kepada Parlimen, apakah struktur pemantauan peringkat Parlimen yang dicadangkan untuk mengurus, mentadbir dan memantau 9 agensi ini.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang mengkaji cadangan ini dan perlu mendapatkan pandangan pihak Parlimen, dalam menentukan kaedah serta mekanisme pelaksanaannya mengikut kerangka Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang yang berkuatkuasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR
[TANJUNG KARANG]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2018 (SELASA)

SOALAN NO.20

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan mengapakah Kerajaan perlu membayar pampasan RM45 juta kepada Kerajaan Singapura selepas penangguhan projek HSR.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Singapura telah mencapai persetujuan untuk menangguhkan Projek HSR sehingga 31 Mei 2020 dan kata sepakat itu dicapai setelah kedua-dua pihak berunding dan menandatangani surat sampungan kepada perjanjian pada 5 September 2018.

Salah satu syarat yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak ialah Kerajaan Malaysia perlu membayar kos *abortive* berjumlah RM45 juta kepada Kerajaan Republik Singapura. Jumlah ini perlu dibayar selewat-lewatnya pada 31 Januari 2019 bagi menampung kos yang telah dibelanjakan oleh pihak Singapura untuk kerja-kerja awal yang telah dijalankan seperti kerja-kerja pengalihan utiliti dan kerja-kerja tanah.

Sekian, terima kasih.

16 Oktober 2018

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. PUAN MARIA CHIN BIN ABDULLAH
(PETALING JAYA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.10.2018

Y.B. PUAN MARIA CHIN BIN ABDULLAH [PETALING JAYA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan menjelaskan agenda pembaharuan GLC/GLIC di bawah kerajaan Pakatan Harapan serta menyenaraikan GLC/GLIC mengikut pecahan syarikat yang merekodkan keuntungan dan yang merekodkan kerugian pada 5 tahun yang lepas tetapi masih lagi dikekalkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan mengambil maklum kepentingan peranan yang dimainkan oleh Syarikat-syarikat Kerajaan sama ada Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) termasuk syarikat Menteri Kewangan

(Diperbadankan) (MKD) dalam menentukan hala tuju pembangunan ekonomi negara, maka Kerajaan sentiasa komited untuk melaksanakan tadbir urus yang baik berdasarkan prinsip cekap, akauntabiliti, dan telus (CAT) bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi syarikat.

Antara pembaharuan yang ingin dicadangkan oleh Kerajaan dalam memastikan tadbir urus yang lebih baik ke atas syarikat Kerajaan seperti GLIC, GLC dan MKD, adalah memastikan pelantikan Ahli Lembaga Pengarah dalam syarikat-syarikat ini dilantik berdasarkan pengalaman dan kelayakan profesional yang dimiliki oleh seseorang calon.

Pada dasarnya, syarikat Kerajaan terutamanya syarikat MKD ditubuhkan bukan berorientasikan keuntungan tetapi untuk tujuan tertentu berdasarkan objektif khusus yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Sehubungan itu, walaupun terdapat syarikat-syarikat MKD ini yang mengalami kerugian, namun pemilikan ke atas syarikat ini masih dikekalkan berdasarkan keperluan berikut:

1. Mengekalkan kepentingan Kerajaan dalam sektor strategik;
2. Penyediaan infrastruktur awam dan khidmat sosial kepada rakyat seperti perkhidmatan pengangkutan awam (bas, rel dan sebagainya) dan utiliti (bekalan air, elektrik dan perkhidmatan

pembetulan);

3. Menggalakkan pembangunan ekonomi melalui sokongan kepada pewujudan industri baru; dan
4. Menggalakkan pembangunan teknologi seperti aktiviti pembangunan dan penyelidikan (R&D)

Syarikat-syarikat Kerajaan ini berperanan sebagai pemacu kepada usaha dalam membangunkan dan memperkukuhkan ekonomi negara, berbanding peranan Kerajaan itu sendiri.

Senarai syarikat MKD yang mengalami keuntungan dan kerugian bagi tempoh 5 tahun (dari tahun 2013 hinggan 2017) adalah seperti berikut:

BIL	NAMA SYARIKAT	2013	2014	2015	2016	2017
1	AMANAH RAYA BERHAD (ARB)	\	\	\	\	X
2	ASTRONAUTIC TECHNOLOGY (M) SDN BHD (ATSB)	X	X	X	X	X
3	BANK PEMBANGUNAN MALAYSIA BERHAD (BPMB)	\	\	X	\	\
4	BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (AGROBANK)	\	\	\	\	\
5	CRADLE FUND SDN BHD	\	\	\	\	\
6	CYBERVIEW SDN BHD	\	\	\	\	\
7	EXPORT-IMPORT BANK OF MALAYSIA BERHAD (EXIM BANK)	\	\	\	X	X
8	FELCRA BERHAD	\	\	\	\	\
9	HALAL INDUSTRY DEVELOPMENT CORPORATION SDN BHD (HDC)	X	X	X	X	X
10	IJN HOLDINGS SDN BHD	\	\	\	\	\
11	INDAH WATER KONSORTIUM SDN BHD (IWK)	X	X	X	X	X
12	INNO BIO VENTURES SDN. BHD. (IBV)	X	X	X	X	X
13	INSTITUT TERJEMAHAN & BUKU MALAYSIA BERHAD (ITBM)	\	\	X	X	X

BIL	NAMA SYARIKAT	2013	2014	2015	2016	2017
14	JAMBATAN KEDUA SDN BHD	\	\	X	X	\
15	JKP SDN BHD	\	\	\	\	\
16	KERETAPI TANAH MELAYU BERHAD (KTMB)	X	X	X	\	X
17	KHAZANAH NASIONAL BERHAD	\	\	\	\	\
18	KUMPULAN MODAL PERDANA SDN BHD (KMP)	X	\	\	X	X
19	MALAYSIA DEBT VENTURES BERHAD (MDV)	\	\	\	\	\
20	MALAYSIA DIGITAL ECONOMY CORPORATION SDN BHD (MDEC)	\	\	\	\	\
21	MALAYSIA RAIL LINK SDN BHD (MRL)	-	-	-	-	\
22	MALAYSIA VENTURE CAPITAL MANAGEMENT BERHAD (MAVCAP)	X	X	\	\	\
23	MALAYSIAN BIOECONOMY DEVELOPMENT CORPORATION SDN BHD	X	X	X	X	X
24	MALAYSIAN KUWAITI INVESTMENT CORPORATION SDN BHD	\	\	\	\	\
25	MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD (MRT)	X	X	\	X	X
26	MIMOS BERHAD	X	X	X	X	X
27	MYCREATIVE VENTURES SDN. BHD.	\	\	\	\	\
28	MYHSR CORPORATION SDN BHD	-	-	X	\	X
29	PEMBINAAN BLT SDN BHD (PBLT)	\	\	\	\	\
30	PENGURUSAN ASET AIR BERHAD (PAAB)	\	\	\	\	\
31	PERBADANAN NASIONAL BERHAD (PNS)	\	\	\	\	\
32	PETROLIAM NASIONAL BERHAD (PETRONAS)	\	\	\	\	\
33	PRASARANA MALAYSIA BERHAD	X	X	X	X	X
34	PROKHAS SDN BHD	\	\	\	\	\
35	RANGKAIAN HOTEL SERI MALAYSIA SDN BHD (RHSM)	\	\	X	X	X
36	SEPANG INTERNATIONAL CIRCUIT SDN BHD (SIC)	\	\	X	X	\
37	SIRIM BERHAD	X	\	X	X	X
38	SMALL MEDIUM ENTERPRISE DEVELOPMENT BANK MALAYSIA BERHAD (SME BANK)	\	\	\	\	\

BIL	NAMA SYARIKAT	2013	2014	2015	2016	2017
39	SYARIKAT PERUMAHAN NEGARA BERHAD (SPNB)	X	X	X	X	X
40	TECHNOLOGY PARK MALAYSIA CORPORATION SDN BHD (TPM)	\	\	X	X	\
41	UDA HOLDINGS BERHAD	\	\	\	\	\
	Petunjuk :	\	Untung	X	Rugi	

**PERTANYAAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI M. SARAVANAN
[TAPAH]**

TARIKH JAWAPAN : 16 OKTOBER 2018

SOALAN NO.22

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan:

- a) sama ada Kerajaan Pakatan Harapan telah mewujudkan Dana Pemerkasaan dan Keusahawanan Anak Muda yang diberi peruntukan sebanyak RM1 bilion setiap tahun. Dimaklumkan dana ini boleh digunakan untuk membangunkan keupayaan anak muda terutama dalam sektor-sektor antaranya seperti pertanian dan penternakan moden; dan
- b) indikator kepada usaha ini yang digunapakai dalam jangka masa 5 tahun untuk melihat keberhasilan usaha Kerajaan dalam melahirkan petani dan penternakan moden.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Selaras dengan aspirasi Kerajaan, Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah bersama-sama menganjurkan Sesi Dialog dan Bengkel Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) Pembudayaan dan Pemerkasaan Keusahawanan Anak Muda yang berlangsung di Cyberjaya pada 25 September 2018.

Sesi Dialog dan Bengkel TWG ini bertujuan untuk merasionalisasi dan memperhalusi program keusahawanan anak muda sedia ada serta cadangan baharu bagi merangka hala tuju Keusahawanan Belia Negara untuk memenuhi komitmen Manifesto Kerajaan - Itizam untuk Anak Muda bagi Dana Pemerkasaan dan Keusahawanan Anak Muda sebanyak RM1 bilion. Ini termasuk merangka secara bersama cadangan-cadangan pelaksanaan program di bawah dana tersebut antara Kementerian dan pemegang taruh bagi perancangan tahun 2019 dan tahun seterusnya. Cadangan ini seterusnya akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan sewajarnya.

Selain dari MED dan KBS, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) juga telah mengambil bahagian dan membentangkan perancangannya untuk program-program penggalakan usahawan belia dalam bidang pertanian dan penternakan moden terutamanya penyediaan latihan, penyediaan bantuan premis dan pembiayaan perniagaan khusus untuk usahawan belia.

MED komited untuk membangunkan keupayaan anak muda terutamanya dalam sektor pertanian dan penternakan moden bagi memastikan rantai nilai industri pertanian terus berkembang maju. Berdasarkan kepada rekod Jabatan Pertanian daripada tahun 2010 hingga 2017 (sehingga September), penglibatan belia dalam projek komoditi tanaman, komoditi berpotensi, dan industri asas tani didapati masih rendah dengan purata sebanyak 12% (7,206 orang).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN FONG KUI LUN (BUKIT BINTANG)

TARIKH : 16 OKTOBER 2018

SOALAN : 23

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berikutan ramai pengguna mengalami keracunan arak kerana penjualan arak haram di banyak tempat, apakah tindakan Kementerian untuk menyekat pengedaran minuman arak haram di pasaran tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-pertua,

Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah membuka kertas siasatan berkaitan kes kematian akibat minuman keras palsu yang kini telah meragut nyawa seramai 40 orang. Siasatan kes ini masih diteruskan dan akan dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara (AGC) bagi tujuan pendakwaan yang dibuka di bawah peruntukan Kanun Keseksaan dan juga Akta Kastam 1967.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 19 September 2018 telah mengarahkan PDRM segera membuat penyelarasan dengan Kementerian/ Agensi berkaitan termasuk Kementerian Kesihatan dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengambil tindakan tegas bagi membanteras aktiviti pengilangan dan penjualan arak secara haram.

Susulan daripada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri tersebut, PDRM bersama-sama Kementerian Kesihatan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Pihak Berkuasa Tempatan telah menjalankan sebanyak 21 siri Ops Bersepadu ke atas premis-premis yang disyaki di sekitar Selangor di mana 26 tangkapan dan sebanyak 16,040 botol/tin minuman keras telah dirampas.

JKDM juga telah menyerbu sebuah banglo tempat memproses minuman keras tiruan dan membuat beberapa tangkapan. Siasatan masih lagi diteruskan bagi tujuan pendakwaan. Pada masa yang sama juga PDRM dan JKDM telah merangka langkah-langkah selanjutnya bagi membanteras perkara ini. Usaha sama secara bersepadu akan diteruskan bagi memastikan kegiatan pengeluaran dan pengedaran minuman keras tiruan dapat dihapuskan sepenuhnya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHAN MING KAI (ALOR SETAR)

TARIKH : 16 OKTOBER 2018

SOALAN : 24

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah penyelesaian bagi pemegang IC Hijau yang disebabkan oleh sijil kelahiran yang tidak sah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pengeluaran Kad Pengenalan adalah tertakluk kepada Akta Pendaftaran Negara 1959 dan Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990 yang memperuntukkan kepada Pegawai Pendaftaran untuk mengeluarkan Kad Pengenalan kepada individu yang layak. Dalam hal ini, Kad Pengenalan Biru (MyKad) akan dikeluarkan kepada warganegara, Kad Pengenalan Merah (MyPR) kepada Pemastautin Tetap dan Kad Pengenalan Hijau (MyKAS) kepada Pemastautin Sementara.

Pengeluaran kad pengenalan MyKAS adalah berdasarkan dua perkara berikut iaitu:

- i. Sijil Kelahiran yang taraf Belum Ditentukan; dan
- ii. Ibu Bapa tidak mempunyai Dokumen Pengenalan Diri atau Nombor Dokumen Pengenalan Diri Ibu Bapa tidak merujuk kepada sebarang kad pengenalan atau passport.

Pengeluaran MyKAS tidak memberi taraf warganegara Malaysia kepada pemegangnya sebaliknya hanya memberi taraf pemastautin sementara sehingga taraf kewarganegaraannya dapat ditentukan atau diberikan taraf Pemastautin Tetap sekiranya layak. Permohonan MyKAS boleh dibuat setelah pemilik Sijil Kelahiran mencapai usia 12 tahun dan kad MyKAS membolehkan mereka menetap di negara ini melebihi 12 bulan. Tempoh sah laku kad MyKAS adalah selama 5 tahun dan kad tersebut boleh diperbaharui setelah tamat tempoh. Kad MyKAS juga membolehkan pemegangnya untuk bergerak dan bekerja serta berurusan dengan agensi berkaitan kerana mempunyai dokumen pengenalan diri di negara ini.

Bagi individu warga asing yang berhasrat untuk memperolehi kewarganegaraan Malaysia, terdapat dua kaedah pemerolehan iaitu sama ada melalui pendaftaran atau penaturalisasian yang mana pertimbangan adalah berdasarkan kepada permohonan yang dikemukakan kepada JPN. Walau bagaimanapun, sebelum permohonan dikemukakan, individu tersebut hendaklah terlebih dahulu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Antara lainnya, syarat-syarat utama yang perlu dipenuhi adalah cukup tempoh mastautin sekurang-kurangnya 12 tahun dari tarikh pegangan kad MyPR, mempunyai pengetahuan dalam Bahasa Melayu serta mestilah berkelakuan baik. Dalam hal ini, beban untuk membuktikan kelayakan untuk dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia ini pula adalah di bawah tanggungjawab setiap pemohon.

**PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI MUSTAPA MOHAMED
[JELI]**

TARIKH JAWAPAN : 16 OKTOBER 2018

SOALAN NO.25

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan sama ada golongan peniaga kecil pelbagai sektor dan penjaja terkesan akibat kedudukan ekonomi semasa dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menangani beban mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

TEKUN Niaga menyediakan pembiayaan kepada peniaga mikro dan kredit termasuk penjaja. Sehingga kini, TEKUN telah menyalurkan pembiayaan sebanyak RM5.2 bilion kepada 412,618 usahawan. Secara umumnya, peniaga kecil TEKUN akan terkesan sekiranya berlaku perubahan ekonomi terutamanya pembayaran balik pembiayaan. Setakat ini, langkah yang telah diambil oleh TEKUN dalam membantu usahawan mikro adalah seperti berikut :

- a) Penstrukturan semula
- b) Pembiayaan baharu
- c) Pembiayaan bertindih (*overlapping*)

Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) komited untuk membangunkan usahawan dan PKS termasuk golongan peniaga kecil dan penaja agar kekal bersaing di pasaran tempatan. Ini termasuklah peningkatan akses kepada pembiayaan dan pasaran, pembangunan modal insan, infrastruktur dan penerapan teknologi dan inovasi.

Sejak penubuhan Kementerian ini tiga (3) bulan yang lepas, MED telah mengadakan siri lawatan turun padang ke setiap negeri melalui eksplorasi “Konvensyen Memperkasakan Usahawan Bumiputera” yang dihadiri oleh YB Menteri dan Timbalan Menteri iaitu:

- a) Siri pertama di Kuching, Sarawak pada 6 September 2018 yang disertai seramai lebih 700 peserta;
- b) Siri kedua di Kota Bharu, Kelantan pada 13 September 2018 dengan kehadiran seramai 400 peserta; dan
- c) Siri ketiga di Kota Kinabalu, Sabah pada 17 September dihadiri oleh 400 peserta.

Konvensyen ini bertujuan sebagai medium penting untuk memberi ruang kepada para usahawan Bumiputera daripada semua segmen dan kelompok di akar umbi bertukar-tukar pandangan dan seterusnya mengemukakan pelbagai idea baharu sebagai aspirasi dalam memperkasakan pembangunan serta kesejahteraan usahawan Bumiputera di negara ini.

MED menyambut baik segala maklumbalas dan saranan yang telah dikemukakan oleh para peserta seterusnya sedang meneliti perkara berkaitan keusahawanan untuk dicadangkan kepada pihak Kerajaan sebagai Dasar Keusahawanan Negara. MED juga akan menyusuli perkara-perkara yang dibangkitkan dengan Kementerian/Jabatan/Agensi lain dan Kerajaan Negeri berkenaan isu-isu yang bersifat *cross cutting*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA DR. MAXIMUS
JOHNITY ONGKILI [KOTA MARUDU]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2018

SOALAN : 26

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah anggaran pendatang asing tanpa izin (PATI) di Sabah bagi tahun 2015, 2016, 2017 dan 2018. Beri pecahan mengikut daerah bagi tahun 2017 dan 2018 dan apakah tindakan-tindakan yang telah dijalankan untuk menyelesaikan masalah PATI di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Jumlah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) tidak dapat dibekalkan secara spesifik memandangkan warga asing yang dikategorikan sebagai PATI ini memasuki Malaysia secara tidak teratur dan tidak berdaftar secara sah. Walau bagaimanapun, melalui operasi penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Negeri Sabah, pecahan statistik tangkapan PATI di negeri Sabah atas pelbagai kesalahan imigresen merekodkan bahawa sejumlah 3,738 orang PATI telah ditangkap pada tahun 2018 iaitu sehingga 4 Oktober 2018, 5,091 orang PATI pada tahun 2017, 8,913 orang PATI pada tahun 2016 dan 19,066 orang PATI pada tahun 2015.

Pecahan statistik tangkapan PATI mengikut daerah-daerah di Sabah bagi tahun 2018 (sehingga 4 Oktober 2018) adalah seperti berikut:

Daerah	Jumlah (orang)
Kota Kinabalu	1,694
Sandakan	587
Tawau	368
Lahad Datu	365
Keningau	318
Semporna	151
Kudat	121
Sipitang	85
Ranau	38
Tenom	11
Jumlah Keseluruhan	3,738

Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS) yang sentiasa fokus dalam menangani isu keberadaan PATI di Sabah dengan pelaksanaan usaha-usaha seperti berikut:-

- a) Menggiatkan tindakan penguatkuasaan serta pengusiran ke atas PATI di Sabah melalui Operasi Bersepadu yang melibatkan beberapa buah agensi iaitu Majlis Keselamatan Negara (MKN) Negeri Sabah, *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia;
- b) Kerjasama dengan Kedutaan Filipina bagi memastikan pihaknya mempercepatkan pengeluaran dokumen perjalanan (*Travel Documents-TD*) kepada tahanan yang hendak diusir ke negara asal. Kerjasama ini menghasilkan impak positif dan dokumen tersebut dapat dikeluarkan dalam tempoh 2 hingga 3 minggu berbanding tempoh 2 hingga 3 bulan sebelum ini semenjak pelaksanaannya pada Januari 2016; dan
- c) JKPWAS melalui Jawatankuasa Kecil Sosial dan Komunikasi Induk juga memainkan peranan dalam menyelaraskan program kesedaran dan melaksanakan hebahan program serta aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan/Agensi antara lainnya adalah seperti ESSCOM, Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Jabatan Penerangan Negeri Sabah berhubung isu-isu berkaitan pendatang asing tanpa izin (PATI) di Sabah dan memberi penerangan kepada masyarakat bahawa usaha-usaha penguatkuasaan terhadap PATI sentiasa diutamakan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK ROZMAN BIN ISLI
[LABUAN]
TARIKH : 16 OKTOBER 2018 (SELASA)**

SOALAN NO. 27

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah yang akan dilakukan oleh Kementerian dalam menangani isu tempoh menunggu bertemu doktor yang lama, bekalan ubat-ubatan di hospital sering terganggu dan kesesakan yang terlampau di sesetengah hospital Kerajaan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Pada tahun 2017, 94.67% (1.99 juta daripada 2.11 juta) pesakit mempunyai masa menunggu tidak lebih daripada 90 minit untuk mendapatkan rawatan di Klinik Pakar di hospital Kerajaan. Bagi masa mendapatkan janji temu untuk mendapatkan rawatan di klinik pakar pula, 94.97% (549 ribu daripada 578 ribu) pesakit mempunyai tempoh masa menunggu 4 hingga 8 minggu.

Antara inisiatif yang dilaksanakan mengurangkan masa menunggu di kalangan pesakit untuk mendapatkan rawatan dan mengurangkan kesesakan di hospital Kerajaan adalah seperti berikut:

- 1) Mengaplikasikan *Lean Healthcare* yang melihat kepada keseluruhan proses kerja bagi mengurangkan aktiviti yang tiada nilai tambah demi meningkatkan efisiensi. Ini membantu memendekkan masa menunggu sekaligus mengurangkan kesesakan di Jabatan Kecemasan & Trauma dan Klinik-klinik Pakar. Aktiviti penambahbaikan yang dilakukan menerusi inisiatif ini menyasarkan pengurangan waktu menunggu untuk berjumpa doktor, bermula dari kaunter pendaftaran sehinggalah pesakit mengambil ubat di farmasi dan juga masa menunggu katil untuk pesakit yang perlu dimasukkan ke wad dari Jabatan Kecemasan & Trauma.
- 2) Pelaksanaan Hospital Kluster yang membolehkan pesakit luar bandar menerima rawatan kepakaran tanpa perlu dirujuk ke hospital pakar dan menunggu lebih lama untuk dilihat oleh doktor pakar. Melalui pelaksanaan inisiatif ini, masyarakat setempat mendapat perkhidmatan kepakaran terpilih di hospital-hospital yang berdekatan dengan tempat tinggal tanpa perlu ke hospital berpakar yang lebih sesak. Ini dapat mengurangkan kesesakan hospital berpakar.

NO SOALAN : 27

- 3) Mempertingkatkan dan memperluaskan perkhidmatan Rawatan Harian ke hospital-hospital seluruh negara. Selain daripada kes-kes pembedahan, skop perkhidmatan Rawatan Harian telah dikembangkan seperti pemindahan darah, kemoterapi dan prosedur perubatan yang lain seperti endoskopi dan hemodialisis.
- 4) Melaksanakan perkhidmatan pembedahan elektif pada Hari Sabtu bertujuan mengurangkan masa menunggu pembedahan.
- 5) Menggunakan sistem *Malaysian Triage Category* di Jabatan Kecemasan dan Trauma, di mana setiap pesakit akan disaring bagi menilai tahap ketenatan pesakit. Bagi kategori Merah (kritikal), pesakit akan dilihat dan dirawat serta merta, kategori Kuning (separa kritikal) akan dilihat dalam tempoh masa kurang dari 30 minit manakala kategori Hijau (tidak kritikal) adalah kurang dari 90 minit.
- 6) Memperkenalkan langkah-langkah perkhidmatan tambah nilai (Valued-added Services, VAS) untuk mengurangkan masa menunggu di kalangan pesakit yang perlu mengambil ubat- ubatan. Perkhidmatan VAS ini terdiri daripada:
 - i. Perkhidmatan Ubat Melalui Pos (UMP);
 - ii. Sistem Temujanji Farmasi melalui penggunaan kad temujanji/ SMS/ telefon/ emel/ faks;
 - iii. Farmasi Pandu Lalu;
 - iv. Sistem Pendispensan Ubat Bersepadu (SPUB); dan terkini Locker4U.

Tidak dinafikan terdapat peningkatan bilangan preskripsi sebanyak 12.6% pada tahun 2017 berbanding 2016. Bagi mengatasi masalah kesesakan pesakit, kesukaran pesakit yang terpaksa berulang alik dan menunggu lama untuk mengambil ubat susulan, KKM telah memperkenalkan Perkhidmatan Tambah Nilai Farmasi (Valued-added Services, VAS) yang memberikan kemudahan kepada pesakit kronik terutamanya yang perlu mengambil bekalan ubat ulangan mereka.

NO SOALAN : 27

Melalui perkhidmatan VAS ini, pesakit mempunyai pelbagai pilihan mengikut kesesuaian masing-masing bagi membantu mereka semasa pengambilan bekalan ubat. VAS ini memudahkan pesakit mendapatkan bekalan ubat susulan dari hospital atau klinik kesihatan tanpa perlu hadir ke kaunter farmasi, secara langsung menjimatkan masa pesakit dan mengurangkan masalah kesesakan di ruang menunggu farmasi

Yang di-Pertua,

KKM sentiasa komited dalam memastikan bekalan ubat-ubatan sentiasa mencukupi untuk keperluan pesakit. Walau bagaimanapun, kementerian ini mengambil maklum terdapat isu gangguan bekalan menyebabkan pesakit tidak mendapat bekalan ubat mencukupi. Kes-kes ini adalah disebabkan oleh masalah pembekalan ubat dari syarikat pembekal atau dari pengilang produk. Sekiranya sumber bekalan yang diterima adalah terhad, bekalan ubat yang terlibat mungkin akan dibekalkan tidak mencukupi buat sementara waktu sementara menunggu masalah pembekalan selesai. Masalah kekurangan bekalan ubat di fasiliti KKM juga tidak melibatkan banyak produk.

KKM sentiasa mengambil langkah proaktif bagi memastikan simpanan stok ubat di fasiliti KKM sentiasa berada pada paras yang optimum.

Langkah-langkah yang dijalankan adalah memantau dan memastikan peruntukan ubat mencukupi untuk menampung keperluan yang meningkat serta menjalankan *close monitoring* ubat yang terlibat dalam gangguan bekalan agar punca masalah ini dapat dikenalpasti awal dan tindakan segera dapat dilakukan. Sumber alternatif dan pengagihan semula stok di antara fasiliti KKM akan dibuat sekiranya berlaku gangguan bekalan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN SU KEONG SIONG (KAMPAR)

TARIKH : 16 OKTOBER 2018

SOALAN : 28

Tuan Su Keong Siong [Kampar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah kes-kes kematian akibat minuman arak berjenama palsu pada tahun 2018. Nyatakan keberkesanan dan langkah-langkah penguatkuasaan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan (Pindaan) 2016" berkenaan penjualan alkohol dan had umur penjualan alkohol yang telah diwartakan oleh Menteri Kesihatan pada 27 Mei 2016.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-pertua,

Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah membuka kertas siasatan berkaitan kes kematian akibat minuman keras palsu yang kini telah meragut nyawa seramai 40 orang. Siasatan kes ini masih diteruskan dan akan dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara (AGC) bagi tujuan pendakwaan yang dibuka di bawah peruntukan Kanun Keseksaan dan juga Akta Kastam 1967.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 19 September 2018 telah mengarahkan PDRM segera membuat penyelarasan dengan Kementerian/ Agensi berkaitan termasuk Kementerian Kesihatan dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengambil tindakan tegas bagi membanteras aktiviti pengilangan dan penjualan arak secara haram.

Susulan daripada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri tersebut, PDRM bersama-sama Kementerian Kesihatan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Pihak Berkuasa Tempatan telah menjalankan sebanyak 21 siri Ops Bersepadu ke atas premis-premis yang disyaki di sekitar Selangor di mana 26 tangkapan dan sebanyak 16,040 botol/tin minuman keras telah dirampas.

JKDM juga telah menyerbu sebuah banglo tempat memproses minuman keras tiruan dan membuat beberapa tangkapan. Siasatan masih lagi diteruskan bagi tujuan pendakwaan. Pada masa yang sama juga PDRM dan JKDM telah merangka langkah-langkah selanjutnya bagi membanteras perkara ini. Usaha sama secara bersepadu akan diteruskan bagi memastikan kegiatan pengeluaran dan pengedaran minuman keras tiruan dapat dihapuskan sepenuhnya.

NO. SOALAN : 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN
MAT NAWI [TUMPAT]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2018
MENJAWAB

SOALAN : 29

YB DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI [TUMPAT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan tidak berhasrat memansuhkan hukuman sebat sivil yang kejam, zalim lagi tidak berperikemanusiaan.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kesalahan-kesalahan yang memperuntukkan hukuman sebat terdapat antara lain dalam seksyen 324, 326, 327, 328, 329 dan 354 Kanun Keseksaan, Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Imigresen 1963 dan beberapa Akta lain. Pelaksanaan hukuman sebat adalah tertakluk kepada peruntukan di bawah seksyen 288, 289, 290 dan 291 Kanun Tatacara Jenayah. Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan hukuman sebat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WONG TIEN FATT @WONG NYUK
FOH (SANDAKAN)**

TARIKH : 16 OKTOBER 2018

SOALAN : 30

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta MENTERI
DALAM NEGERI** menyatakan pelan tindakan Kerajaan Persekutuan
mengendali masalah tiada kewarganegaraan yang berleluasa di Malaysia
khususnya di Sabah memandangkan golongan tersebut telah membawa
impak sosial dan ekonomi yang serius.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung dengan isu individu tanpa kewarganegaraan, adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) hanya mendaftar dan merekodkan status seseorang individu sebagai Warganegara atau Bukan Warganegara berdasarkan kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa individu sewaktu kelahiran berlaku. Justeru, tiada individu yang direkodkan sebagai *stateless* di Malaysia.

Individu yang dilahirkan sebelum perkahwinan ibu bapa mereka didaftarkan secara sah mengikut perundangan negara ini (anak tak sah taraf), maka kewarganegaraan individu tersebut adalah mengikut kewarganegaraan ibunya, selaras dengan Seksyen 17, Bahagian III, Jadual Kedua, Perlembagaan Persekutuan. Justeru, anak tak sah taraf yang dilahirkan oleh wanita warga asing akan direkodkan sebagai Bukan Warganegara.

Ibu bapa atau penjaga individu yang bertaraf Bukan Warganegara bertanggungjawab untuk menguruskan dokumen pengenalan diri dan dokumen perjalanan dengan negara asal ibunya. Kementerian ini ingin menegaskan bahawa kegagalan ibu atau penjaga melaksanakan tanggungjawab mereka akan menyebabkan isu berbangkit seperti ketiadaan dokumen pengenalan diri dari negara asal yang akhirnya menyebabkan keberadaan yang tidak sah di negara ini. Seterusnya, mereka juga disalah anggap sebagai *stateless* di negara ini.

Bagi individu warga asing yang bertaraf Bukan Warganegara, mereka juga boleh mengemukakan permohonan untuk memperoleh kewarganegaraan Malaysia sama ada melalui pendaftaran atau penaturalisasian, jika telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, perlu diingatkan bahawa syarat-syarat ini hanya

melayakkan permohonan dikemukakan tetapi tidak menjamin bahawa permohonan akan diluluskan. Ini kerana penganugerahan kewarganegaraan Malaysia merupakan anugerah tertinggi dan hak eksklusif Kerajaan Persekutuan yang tidak ditawarkan dan diberikan dengan sewenang-wenangnya. Dalam mempertimbangkan permohonan kewarganegaraan, beban untuk membuktikan kelayakan untuk dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia ini adalah di bawah tanggungjawab setiap pemohon dan proses pertimbangan adalah tertakluk kepada syarat-syarat di bawah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan.

Kementerian Dalam Negeri melalui JPN sentiasa proaktif dalam memastikan pendaftaran dokumen pengenalan diri dilaksanakan dengan mudah oleh semua lapisan masyarakat melalui program secara berterusan seperti berikut:

- a. Program Turun Padang (Program *Outreach*);
- b. Perkhidmatan Unit *Mobile*; dan
- c. Perkhidmatan Bas *Mobile*.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD.
KADIR [SETIU]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2018 (SELASA)

SOALAN : 31

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan langkah yang diambil untuk memajukan luar bandar daripada segi infrastruktur seperti satu kawasan satu "*shopping mall*" yang merupakan salah satu cabang peluang pekerjaan kepada penduduk luar bandar sekali gus memajukan kawasan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, antara fokus utama Kementerian adalah melibatkan pembangunan infrastruktur luar bandar seperti Projek Jalan Luar Bandar, Bekalan Air dan Elektrik Luar Bandar. Manakala, program-program bagi meningkatkan peluang pekerjaan penduduk luar bandar adalah melalui program-program pembangunan ekonomi dan modal insan.

Program-program pembangunan ekonomi dan modal insan yang dilaksanakan secara konsisten oleh pihak Kementerian adalah seperti Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK), Program Peningkatan Pendapatan (PPP) serta program-program keusahawanan seperti Rural Business Challenge dan Mobilepreneur. Program-program ini dilihat dapat membantu memberi peluang pekerjaan dan seterusnya meningkatkan pendapatan isi rumah penduduk di luar bandar.

Di samping itu, Kementerian melalui Lembaga-Lembaga Kemajuan Wilayah seperti KEDA, KESEDAR, KETENGAH, KEJORA juga menyediakan infrastruktur perniagaan seperti penyediaan premis perniagaan di kawasan operasi masing-masing.

Selain itu, agensi-agensi KPLB yang lain seperti MARA, RISDA dan FELCRA juga turut menyediakan ekosistem keusahawan yang dapat memberi peluang pekerjaan kepada penduduk luar bandar yang merangkumi latihan, pembangunan perniagaan dan kemudahan pembiayaan serta premis-premis perniagaan seperti RISMART, HeMAT dan Arked MARA yang beroperasi di kawasan-kawasan luar bandar.

Kementerian juga telah memperkenalkan program DesaMall@Online dan RuBiz@Online sebagai suatu usaha untuk melahirkan lebih ramai usahawan online luar bandar terutamanya melalui penglibatan golongan belia. DesaMall@Online ini bertujuan membantu usahawan luar bandar memulakan perniagaan secara dalam talian melalui platform e-dagang manakala RuBiz@Online merupakan program

baharu Kementerian untuk melahirkan usahawan pemasar online melalui media sosial. Kementerian mensasarkan seramai 1,000 usahawan online berjaya diwujudkan pada tahun 2018. Sehingga kini, sebanyak 500 usahawan luar Bandar dari seluruh negara telah dilatih di bawah program ini.

Sehubungan dengan itu, cadangan Yang Berhormat supaya diwujudkan satu kawasan satu *shopping mall* tidak sesuai dilaksanakan kerana pihak Kementerian melalui agensi seperti MARA dan Lembaga-Lembaga Kemajuan Wilayah serta RISDA dan FELCRA telah pun menyediakan premis-premis perniagaan (*shop lot*) kepada peniaga dan usahawan luar bandar untuk memasarkan produk-produk mereka.

Di samping itu, Kementerian juga sedang mengkaji program-program baharu yang boleh diperkenalkan yang memberikan keutamaan kepada rakyat berpendapatan paling rendah di kawasan luar bandar terutamanya di negeri-negeri Kedah, Kelantan, Perak, Sabah dan Sarawak. Program-program ini yang bertujuan untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup penduduk di luar bandar termasuk masyarakat Orang Asli, dengan mengambilkira iltizam di dalam Buku Harapan di bawah Teras 1 iaitu 'Meringankan Bebanan Kehidupan Rakyat' dan Teras 3 iaitu 'Merencanakan Pertumbuhan Ekonomi Yang Adil dan Saksama'.

Selain itu, Kementerian juga dalam proses menyediakan Dasar Pembangunan Luar Bandar dan Pelan Tindakan Pembangunan Luar Bandar 2030 dengan mengambilkira iltizam Buku Harapan tersebut. Penyediaan Dasar dan Pelan Tindakan tersebut telah dibantu oleh perunding-perunding daripada Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI [JELUTONG]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2018

SOALAN : 32

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah perkembangan penyiasatan polis berkenaan dengan laporan polis yang dibuat oleh Sangeet Kaur Deo a/p Karpal Singh berkenaan satu berita bahawa terdapat seorang hakim kanan yang telah campur tangan dalam keputusan kes hasutan mendiang Karpal Singh a/l Ram Singh di mahkamah rayuan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Satu laporan polis barkait Damansara repot 11544/18 telah dibuat pada 23 Ogos 2018 oleh puan Sangeet Kaur Deo A/P Karpal Singh. Pihak polis masih menjalankan siasatan di bawah seksyen 228 Kanun Keseksaan dan akan melengkapkan kertas siasatan dalam tempoh yang terdekat untuk dirujuk kepada Timbalan Pendakwaraya untuk arahan selanjutnya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : DATO' ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
[BERA]**

DARIPADA : 16 OKTOBER 2018 (SELASA)

SOALAN NO. 30

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan :-

- a) adakah Kerajaan akan menghapuskan hutang peneroka FELDA seperti yang telah dijanjikan dalam manifesto PRU ke-14 Pakatan Harapan; dan
- b) apakah pihak Kerajaan akan meneruskan potongan hutang peneroka FELDA sekiranya pendapatan hasil jualan buah tandan segar kelapa sawit di bawah RM1,500.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa komited dalam membela nasib peneroka FELDA dan keluarga mereka. Setelah mengambil alih pemerintahan, Kerajaan pada hari ini mendapati FELDA sedang menghadapi masalah aliran tunai yang amat kritikal. Selaras iltizam untuk memulihkan FELDA, langkah pertama Kerajaan adalah pelantikan Pengerusi dan Ahli Lembaga FELDA yang baharu telah dilaksanakan pada Julai 2018.

Justeru, tumpuan segera Lembaga Pengarah dan Pengurusan FELDA yang baru adalah untuk memulihkan kedudukan aliran tunai FELDA melalui perbincangan dengan pemiutang (*creditors*) untuk menstrukturkan semula pinjaman FELDA yang sudah mencecah jumlah keseluruhan berjumlah RM8.025 bilion. Langkah seterusnya yang sedang diambil untuk memperkukuhkan kedudukan aliran tunai adalah melalui penjualan aset-aset yang tidak strategik seperti hartanah di luar dan dalam negara.

Kedudukan kewangan FELDA yang kritikal pada hari ini adalah legasi kepimpinan terdahulu yang lemah dalam tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan yang tidak bertanggungjawab. Kerajaan baru komited untuk memulihkan FELDA secepat mungkin demi kesejahteraan peneroka-peneroka selaras dengan matlamat penubuhan FELDA di bawah Akta Kemajuan Tanah 1956. Fokus utama Lembaga Pengarah dan juga Pengurusan FELDA yang baharu adalah untuk melaksanakan tanggungjawab perundangan (*statutory obligation*) terhadap peneroka-peneroka FELDA.

Kerajaan yakin Lembaga Pengarah dan Pengurusan FELDA yang baru akan berpegang kepada prinsip kebertanggungjawaban dan tadbir urus yang tinggi demi menjayakan proses pemulihan FELDA dan pembangunan FELDA yang mampan. Untuk maksud ini Kerajaan

telahpun memutuskan untuk membentangkan Kertas Putih (*White Paper*) di dalam Parlimen pada sidang kali ini bagi mendedahkan situasi sebenar yang dihadapi FELDA dan juga perancangan strategik pemulihan agensi tersebut.

Lanjutan dari itu, Kerajaan percaya kedudukan sebenar agensi ini dan langkah pemulihannya akan dapat dikenal pasti. Seterusnya ini akan membantu Kerajaan dalam merangka pelan tindakan pemulihan menyeluruh yang bersesuaian dan memberi manfaat langsung kepada para peneroka.

Berkaitan potongan hutang kepada peneroka sekiranya pendapatan dari hasil kelapa sawit di bawah RM1,500, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Pendapatan Minima Peneroka FELDA telah diperkenalkan sejak Mei 1988 iaitu sebanyak RM350 pada ketika itu dan dinaikkan kepada RM600 pada tahun 2000 seterusnya kepada RM1,000 pada tahun 2009.

Di bawah dasar ini peneroka tidak dikenakan apa-apa potongan yang berkaitan dengan kos pembangunan kebun sekiranya pendapatan pada sesuatu bulan tidak mencapai pendapatan minimum tersebut setelah ditolak kos operasi kebun dan hutang persendirian. Kos operasi kebun meliputi urusan pengangkutan hasil Buah Tandan Segar (BTS), kos baja (bahan dan upah) serta jalan pertanian. Manakala hutang persendirian terdiri dari hutang kedai, hutang sosio-ekonomi seperti Pinjaman Pembesaran Rumah Peneroka (PPP) dan saham FGV serta caruman hari raya dan caruman tanam semula.

Sekian, terima kasih.
16 Oktober 2018

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL PERTAMA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO

[BATU KAWAN]

TARIKH : 16 OKTOBER 2018 (SELASA)

SOALAN :

Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan status terkini bilakah senarai daftar kanak-kanak bagi pesalah laku seks, serta nyatakan sebab mengapa sehingga kini mengapa senarai tersebut belum lagi diterbitkan serta apakah tindakan pihak Kementerian untuk memerangi insiden pencabulan pelajar-pelajar di Maahad Tahfiz di seluruh negara dan langkah-langkah untuk mencegahnya.

JAWAPAN: YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL,
TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA
DAN MASYARAKAT

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius terhadap isu penderaan kanak-kanak. Sehubungan itu, pindaan Akta Kanak-Kanak 2001 telah memperuntukkan supaya butir-butir orang yang disabitkan kesalahan terhadap kanak-kanak dimasukkan ke dalam Daftar Kanak-Kanak. Daftar sedia ada merupakan buku pendaftaran maklumat mengenai kanak-kanak serta pelaku yang disabitkan kesalahan jenayah yang diisi secara manual sejak penguatkuasaan Akta tersebut pada tahun 2017.

Sehingga kini, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah dapat mengemas kini maklumat **536** orang ke dalam daftar tersebut. Mengikut peruntukan Akta Kanak-Kanak 2001, akses kepada Daftar Kanak-Kanak adalah melalui permohonan kepada Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat dan maklumat yang diperlukan akan dihantar terus kepada pemohon. Oleh yang demikian, senarai butiran pelaku yang disabitkan

kesalahan jenayah terhadap kanak-kanak tidak boleh diterbitkan untuk pengetahuan umum.

Tuan Yang di-Pertua,

Pengisian maklumat di dalam Daftar Kanak-Kanak memerlukan kerjasama pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Mahkamah khususnya maklumat pelaku yang disabit kesalahan jenayah terhadap kanak-kanak. Sehubungan itu, bagi meningkatkan keberkesanan kemasukan maklumat ke dalam Daftar Kanak-Kanak, beberapa siri perbincangan dengan pihak PDRM dan Mahkamah telah diadakan bagi menyeragamkan maklumat yang ada di PDRM dan Mahkamah dengan maklumat di dalam Daftar Kanak-Kanak.

Kementerian juga sedang berusaha untuk membangunkan sistem saringan secara berfasa untuk individu yang ingin bekerja dengan kanak-kanak. Fasa pertama pembangunan sistem ini dijangka siap tahun hadapan. Kementerian juga sedang mengadakan beberapa siri perbincangan bagi mengintegrasikan sistem-sistem maklumat yang sedia ada di mahkamah dan PDRM.

Tuan Yang di-Pertua,

Kanak-kanak adalah kumpulan sasar bagi Kementerian dan kebajikan mereka sentiasa dipelihara. Bagi membendung insiden pencabulan pelajar-pelajar Maahad Tahfiz di seluruh negara, Kementerian akan bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM), pihak berkuasa tempatan serta Majlis Agama Islam Negeri bagi mendapatkan maklumat pusat tahfiz berdaftar di bawah peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan. Melalui pendaftaran pusat tahfiz ini, maka pemantauan akan dapat dilakukan supaya semua pusat ini mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa dari aspek keselamatan, pendidikan serta kesihatan pelajar pusat tahfiz.

Pihak Kementerian juga menyeru agar orang awam khususnya kanak-kanak, ibu bapa, pengendali pusat tahfiz untuk mengambil tanggungjawab melaporkan kes-kes penderaan yang berlaku kepada pihak berkuasa dengan segera. Ini adalah perlu kerana orang awam merupakan mata dan telinga kepada Kerajaan untuk memerangi isu penderaan kanak-kanak bukan sahaja di pusat tahfiz tetapi di pelbagai tempat yang ada hubung kait dengan kanak-kanak. Ibu bapa juga harus melawat anak-anak yang dihantar ke pusat tahfiz secara berkala untuk

memastikan hubungan yang erat sentiasa terjalin dan memberi sokongan emosi kepada anak-anak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI
BIN HAJI SALLEH
[PASIR PUTEH]**

TARIKH SOALAN : 16 OKTOBER 2018

SOALAN NO. 35

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengambil alih *Program Public Private Research Network* (PPRN) yang telah bermula pada tahun 2015 oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia bagi mengatasi masalah *Research and Development* (R&D) yang masih rendah di kalangan PKS di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Program Public Private Research Network* (PPRN) merupakan inisiatif Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (atau kini dikenali sebagai Kementerian Pendidikan Malaysia) bagi menggalakkan program inovasi yang berasaskan permintaan dalam memacu peningkatan produktiviti serta mengukuhkan pembangunan ekonomi Malaysia. Objektif utama program ini adalah untuk mewujudkan ekosistem mesra pengetahuan (*knowledge-friendly ecosystem*) melalui penyelidikan gunaan bagi meningkatkan produktiviti dan pengetahuan teknologi industri untuk bergerak atas rantai nilai. Program ini menghubungkan pemain industri sebagai ‘pengguna kepada

pengetahuan' dengan pihak institusi pengajian yang merupakan 'pengeluar kepada pengetahuan' bagi membolehkan kedua-dua pihak bekerjasama menjana keuntungan menerusi budaya inovasi.

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak dilancarkan pada 24 Februari 2015 sehingga 30 September 2018, PPRN telah memadankan 763 projek melibatkan kerjasama 528 perusahaan dengan 571 kumpulan penyelidik. Berdasarkan maklumat yang diterima, dana daripada inisiatif PPRN adalah berkonsepkan geran pepadanan di mana sebahagian daripada kos projek disumbangkan oleh syarikat.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kementerian tidak bercadang untuk mengambil alih program ini dan ianya masih dalam bidang kuasa Kementerian Pendidikan Malaysia. Walau bagaimanapun, Kementerian ini sentiasa bersedia menambah baik program-program sedia ada termasuk yang melibatkan program berkaitan *research and development* (R&D) khususnya bagi mengatasi masalah yang dihadapi di kalangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia. Ini bertujuan untuk menaik taraf dan menambah baik inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan bagi melahirkan golongan usahawan yang berdaya maju, berdaya saing dan berdaya tahan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL
(SUNGAI PETANI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.10.2018

Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah pinjaman kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri hingga Disember 2017, dan adakah Kerajaan Persekutuan berhajat untuk meneliti cara pengurusan kewangan di negeri-negeri agar perbelanjaan terkawal dan berhemah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat 31 Disember 2017, baki belum selesai pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri berjumlah RM17.36 bilion. Kerajaan Persekutuan melalui perundingan di dalam Majlis Kewangan

Negara sentiasa memantau pengurusan kewangan di negeri-negeri supaya hasil negeri dapat ditingkatkan dan pada masa yang sama perbelanjaan negeri dioptimumkan bagi memberi faedah maksimum kepada rakyat melalui pengurusan kewangan yang cekap dan kos efektif.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. ADHAM BIN BABA
[TENGGARA]**

TARIKH : 16 OKT 2018 (SELASA)

SOALAN : 37

PR-1412-L02016

Datuk Seri Dr. Adham Bin Baba [Tenggara] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil pihak Kementerian bagi mengatasi sistem monopoli syarikat ASTRO dalam sektor penyiaran rancangan televisyen sepertimana yang dijanjikan menerusi manifesto pilihanraya yang lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tempoh eksklusif dan keistimewaan (*exclusive right and privilege*) yang diberikan oleh Kerajaan Malaysia kepada Measat Broadcast Network Systems Sdn Bhd (ASTRO) untuk menyiarkan kandungan penyiaran medium penyiaran satelit, iaitu menerusi aktiviti pemancaran ke mana-mana satelit, bagi penerimaan kandungan penyiaran oleh orang awam secara langsung dari mana-mana satelit untuk tempoh 20 telah tamat pada 28 Februari 2017.

Namun, ASTRO masih berhak meneruskan aktiviti penyiaran satelit ini atas dasar "*non-exclusive basis*" kerana lesen-lesen yang dimiliki ASTRO di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM'98) adalah sah sehingga 1 Februari 2020 bagi Lesen Individu Pemberi Kemudahan Rangkaian '*Network Facilities Provider Individual Licence, [NFP (I)]*', Pemberi Perkhidmatan Rangkaian '*Network Service Provider Individual licence, [NSP (I)]*' dan 28 Februari 2022 bagi Lesen Individu Pemberi Perkhidmatan Aplikasi Kandungan, '*Content Applications Service Provider Individual Licence, [CASP (I)]*'.

Sehingga 30 September 2018, terdapat 35 syarikat telah diberikan lesen CASP (I) oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk menawarkan perkhidmatan penyiaran TV melalui pelbagai platform seperti satelit, penyiaran bebas ke udara (FTA), protokol internet (IPTV), dan juga penyiaran televisyen terrestrial digital '*Digital Terrestrial Television Broadcasting (DTTB)*'. Ingin dimaklumkan, daripada senarai di atas, terdapat 4 syarikat telah dibenarkan untuk memberikan perkhidmatan penyiaran TV melalui platform satelit selain daripada ASTRO iaitu Ansa Broadcast Sdn Bhd (ANSA), Jaringan Mega Sdn Bhd (Jaringan Mega), Smart Digital International (M) Sdn Bhd (Smart Digital) dan High End Net Sdn Bhd (High End Net).

Dengan adanya penawaran pelbagai platform ini, rakyat Malaysia dijangka akan mempunyai pelbagai pilihan untuk menikmati kandungan

sama ada melalui penyiaran percuma / tanpa langganan (*non subscription broadcasting*) ataupun melalui penyiaran berbayar (*subscription broadcasting*).

Selain daripada itu, rakyat Malaysia juga mempunyai pilihan untuk menikmati kandungan penyiaran melalui platform 'Over-the-Top (OTT)' seperti aplikasi Tonton, iFlix dan NetFlix. Untuk makluman, aplikasi OTT ini ialah aplikasi penyediaan kandungan melalui internet dan ianya adalah aktiviti yang dikecualikan daripada keperluan pelesenan di bawah AKM'98.

Mana-mana pihak yang berhasrat untuk memberikan perkhidmatan penyiaran boleh mengemukakan permohonan lesen CASP (I) kepada SKMM bagi tujuan penilaian. Penilaian oleh SKMM untuk membuat syor kepada Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia bagi permohonan lesen CASP (I) adalah berdasarkan kriteria-kriteria yang mematuhi peruntukan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998, Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (2000) dan Garis Panduan Pelesenan. Kriteria-kriteria tersebut adalah seperti berikut :

- Syarikat yang ditubuhkan di Malaysia dengan modal berbayar minima sebanyak RM500,000;
- Maklumat korporat syarikat termasuk pemegang saham syarikat, ahli lembaga pengarah dan pengurusan syarikat;
- Perihal jenis kemudahan, perkhidmatan, aplikasi atau kandungan dan teknologi yang akan ditawarkan;
- Perihal liputan dan cadangan pelan perlaksanaan komersil; dan
- Jangkaan perbelanjaan operasi dan modal, rancangan pembiayaan termasuk sumber pembiayaan domestik atau asing dan juga kedudukan kewangan semasa syarikat .

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG
KAWASAN : MARANG
TARIKH : 16 OKTOBER 2018 (SELASA)

SOALAN

YB. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri** menyatakan sejauh mana hasil kajian projek kereta nasional 3.0 bakal memacu Malaysia ke satu fasa baharu bagi industri automotif negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Industri automotif merupakan elemen penting dan strategik dalam sektor perkilangan di Malaysia. Industri automotif serta sektor yang berkaitan automotif menggunakan lebih daripada 700,000 pekerja dan telah menyumbang hampir 4% daripada KDNK Malaysia. Ia amat penting untuk pertumbuhan negara dan Projek Kereta Nasional baharu ini dijangka dapat meningkatkan keupayaan kejuruteraan dan teknologi di Malaysia.

Kerajaan buat masa ini sedang dalam proses kajian semula Dasar Automotif Nasional (NAP) bagi menerapkan elemen-elemen selaras dengan kemajuan teknologi mobiliti dan Industri 4.0 untuk memastikan industri automotif tempatan selari dengan perkembangan semasa global.

Kajian semula ini akan membincangkan perkara-perkara berkaitan pembangunan industri automotif tempatan seperti pembangunan syarikat-syarikat tempatan, aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D), peningkatan eksport termasuk mengambil kira cadangan projek kereta nasional baharu.

Tuan Yang di-Pertua,

Projek kereta nasional baharu akan dibuat selari dengan hala tuju dan strategi masa depan industri automotif Malaysia, dengan mengambil kira unsur-unsur *Next Generation Vehicles* (NXGV), Mobiliti, Revolusi Industri (IR) 4.0 dan *Artificial Intelligence* (AI). Projek Kereta Nasional baharu yang dicadangkan ini tertumpu kepada pembangunan keupayaan pembuatan dan juga secara holistik dengan melibatkan keseluruhan rantai nilai dan ekosistem industri automotif.

Cadangan projek kereta nasional baharu ini juga akan memberi penekanan kepada pembangunan penyelidikan dan pembangunan (R&D), tren dan teknologi baharu dalam sektor automotif yang mana akan memacu pertumbuhan industri automotif di Malaysia termasuk

kerjasama dengan negara-negara ASEAN yang lain. Di samping itu juga, cadangan projek kereta nasional baharu ini juga dijangka dapat mewujudkan kluster teknologi baharu serta tenaga kerja pakar baharu terutama dalam bidang kejuruteraan automotif di Malaysia.

Cadangan ini akan dipacu sepenuhnya oleh pihak swasta. Kerajaan hanya akan membantu dari segi kemudahan dan bantuan tertentu bergantung kepada komitmen syarikat.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam hal ini, Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah menjemput pihak-pihak yang berminat untuk mengemukakan cadangan kepada Kerajaan berhubung projek kereta nasional yang baharu di Malaysia pada September 2018. Tarikh akhir bagi penghantaran cadangan tersebut adalah pada 15 Oktober 2018.

Setakat ini, beberapa syarikat telah menunjukkan minat untuk melibatkan diri di dalam cadangan projek kereta nasional baharu ini. Kementerian ini mengalu-alukan sebarang cadangan mahupun idea dari semua pihak bagi menjayakan projek kereta nasional baharu ini.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN
[KUBANG KERIAN]

TARIKH : 16 OKTOBER 2018 (SELASA)

SOALAN : 39

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status tunggakan cukai lapangan terbang Malindo Air kepada MAHB (Malaysia Airports Holding Berhad) yang dilaporkan mencecah nilai RM70 juta pada 2017.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia Airports Holdings Berhad (“MAHB” atau “Syarikat”) adalah merupakan sebuah syarikat awam yang tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (“Bursa Securities”). Dalam hubungan ini, MAHB bertanggungjawab melaksanakan urus tadbir yang efisien bagi memastikan kepentingan para pemegang sahamnya terpelihara. Dalam melaksanakan urus tadbir tersebut, MAHB tidak boleh mendedahkan maklumat berhubung segala hutang-piutang syarikat dan pihak lain kepadanya yang merupakan maklumat sulit bagi memelihara kepentingan syarikat tersebut.

Pada masa ini, MAHB mengendalikan lebih dari 70 syarikat penerbangan (tempatan dan antarabangsa) di Malaysia. Kesemua syarikat penerbangan ini dianggap rakan kongsi perniagaan penting kepada MAHB. MAHB dan syarikat-syarikat penerbangan ini saling berkerjasama membangunkan industri penerbangan negara yang seterusnya membawa faedah kepada ekonomi terutama sekali industri pelancongan.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, MAHB secara berterusan sentiasa memantau dan memastikan syarikat-syarikat penerbangan tempatan menjelaskan tunggakan bayaran masing-masing. Pihak MAHB sering mengadakan ‘*financial payment arrangements*’ bagi semua syarikat yang berhutang dengan MAHB. Sehingga kini, jumlah hutang oleh semua syarikat penerbangan tempatan dan antarabangsa adalah terkawal.

SOALAN NO. : 40

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI
[PADANG SERAI]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2018 (SELASA)

SOALAN NO. 40

Tuan Karupaiya A/L Mutusami [Padang Serai] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah Kementerian bercadang membina sebuah takungan air di atas bukit seperti empangan air di Sungai Kop, bagi mengatasi masalah banjir yang sering berlaku di kawasan Kulim dan Padang Serai yang mendatangkan banyak masalah kepada penduduk-penduduk di kawasan tersebut.

SOALAN NO. 40

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa sekarang, Kementerian melalui Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) tiada perancangan untuk membina empangan bagi mengatasi masalah banjir yang sering berlaku di kawasan Kulim dan Padang Serai. Walau bagaimanapun, projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Daerah Kulim, Kedah telah dipohon di dalam Rolling Plan 4 (2019) RMKe-11 bagi mengatasi masalah banjir di kawasan Padang Serai dan Kulim,

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN SITI ZAILAH BT. MOHD YUSOFF
(RANTAU PANJANG)**

TARIKH : 16 OKTOBER 2018

SOALAN : 41

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah kematian akibat arak
beracun dan apakah usaha yang telah dilakukan bagi menghalang orang
Islam meminum arak.**

JAWAPAN

Tuan Yang Di-pertua,

Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah membuka kertas siasatan berkaitan kes kematian akibat minuman keras palsu yang kini telah meragut nyawa seramai 40 orang. Siasatan kes ini masih diteruskan dan akan dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara (AGC) bagi tujuan pendakwaan yang dibuka di bawah peruntukan Kanun Keseksaan dan juga Akta Kastam 1967.

Susulan daripada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri tersebut, PDRM bersama-sama Kementerian Kesihatan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Pihak Berkuasa Tempatan telah menjalankan sebanyak 21 siri Ops Bersepadu ke atas premis-premis yang disyaki di sekitar Selangor di mana 26 tangkapan dan sebanyak 16,040 botol/tin minuman keras telah dirampas.

JKDM juga telah menyerbu sebuah banglo tempat memproses minuman keras tiruan dan membuat beberapa tangkapan. Siasatan masih lagi diteruskan bagi tujuan pendakwaan. Pada masa yang sama juga PDRM dan JKDM telah merangka langkah-langkah selanjutnya bagi membanteras perkara ini. Usaha sama secara bersepadu akan diteruskan bagi memastikan kegiatan pengeluaran dan pengedaran minuman keras tiruan dapat dihapuskan sepenuhnya.

Berhubung dengan isu berkaitan usaha yang telah dilakukan untuk menghalang orang Islam daripada meminum arak pula, perkara tersebut adalah di luar bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri yang mana ia perlulah dirujuk ke Jabatan Agama Islam di negeri-negeri.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK ZAKARIA B. MOHD. EDRIS @
TUBAU (LIBARAN)**

TARIKH : 16 OKTOBER 2018

SOALAN : 42

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan untuk membendung penjualan minuman keras dan lain-lain minuman yang memudaratkan kesihatan orang ramai berikutan banyak kes sedemikian berlaku kebelakangan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-pertua,

Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah membuka kertas siasatan berkaitan kes kematian akibat minuman keras palsu yang kini telah meragut nyawa seramai 40 orang. Siasatan kes ini masih diteruskan dan akan dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara (AGC) bagi tujuan pendakwaan yang dibuka di bawah peruntukan Kanun Keseksaan dan juga Akta Kastam 1967.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 19 September 2018 telah mengarahkan PDRM segera membuat penyelarasan dengan Kementerian/ Agensi berkaitan termasuk Kementerian Kesihatan dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengambil tindakan tegas bagi membanteras aktiviti pengilangan dan penjualan arak secara haram.

Susulan daripada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri tersebut, PDRM bersama-sama Kementerian Kesihatan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Pihak Berkuasa Tempatan telah menjalankan sebanyak 21 siri Ops Bersepadu ke atas premis-premis yang disyaki di sekitar Selangor di mana 26 tangkapan dan sebanyak 16,040 botol/tin minuman keras telah dirampas.

JKDM juga telah menyerbu sebuah banglo tempat memproses minuman keras tiruan dan membuat beberapa tangkapan. Siasatan masih lagi diteruskan bagi tujuan pendakwaan. Pada masa yang sama juga PDRM dan JKDM telah merangka langkah-langkah selanjutnya bagi membanteras perkara ini. Usaha sama secara bersepadu akan diteruskan bagi memastikan kegiatan pengeluaran dan pengedaran minuman keras tiruan dapat dihapuskan sepenuhnya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KE-14 (2018)

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ROBERT LAWSON CHUAT
TARIKH : 16 OKTOBER 2018 [SELASA]
SOALAN : 43

Tuan Robert Lawson Chuat [Betong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan baharu sekarang ada perancangan untuk membetulkan atau merapatkan jurang ketidakseimbangan pengisian jawatan mengikut kaum-kaum di Malaysia dalam perkhidmatan awam persekutuan ketika ini.

JAWAPAN : YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **kaedah pengambilan dan pelantikan ke Perkhidmatan Awam Am Persekutuan** yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah **berasaskan merit dan kompetensi seseorang calon**. Dasar pelantikan ini bertujuan untuk memastikan calon yang berkualiti dan menepati kriteria yang ditetapkan sahaja dilantik ke Perkhidmatan Awam. **Tiada penetapan sebarang kuota untuk sesuatu agama, kaum atau etnik tertentu** dalam pelantikan anggota perkhidmatan awam. **Semua warganegara Malaysia mempunyai peluang yang sama untuk dipertimbangkan dalam persaingan yang terbuka dan**

adil (*open and fair competition*). Oleh itu, istilah keseimbangan kaum tidak digunakan dalam urusan pengambilan dan pelantikan ke perkhidmatan awam.

2. Umum mengetahui bahawa **permohonan untuk berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam pastinya bergantung kepada kehendak, minat, dan kecenderungan** seseorang individu itu sendiri. **Setiap orang tanpa mengira kaum atau etnik berhak dan bebas memilih profesion atau kerjaya masing-masing** sama ada untuk bekerja dalam sektor awam, swasta, bekerja sendiri, berniaga dan sebagainya.

3. Hasil **Kajian Persepsi Kerjaya Dalam Perkhidmatan Awam di Kalangan Masyarakat Bukan Melayu di Semenanjung Malaysia** yang dijalankan oleh SPA melalui kerjasama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada November 2010 menunjukkan antara faktor yang dikenal pasti tidak menarik minat kaum bukan Melayu menyertai Perkhidmatan Awam adalah seperti berikut:

- i. pulangan ekonomi seperti gaji dan bonus yang rendah
- ii. laluan kerjaya yang terhad
- iii. suasana pekerjaan yang tidak memuaskan

4. Statistik SPA bagi tempoh 2015 sehingga Jun 2018 mendapati kaum Melayu paling ramai berminat dan mendaftar dengan SPA untuk bekerja dalam Perkhidmatan Awam iaitu sekitar 79.66%, diikuti Bumiputra Sabah 7.84%, Bumiputra Sarawak 5.59%, India 3.21%, Lain-lain Kaum 1.84%, Cina 1.61% dan Orang Asli 0.25%.

5. SPA berpandangan bahawa **kaedah pengambilan berdasarkan merit yang diamalkan pada masa ini mampu memberi peluang yang adil kepada semua calon tanpa mengira kaum dan agama** di samping ia dapat memastikan **hanya calon yang berkualiti sahaja yang dilantik** ke dalam Perkhidmatan Awam. Justeru, **SPA tidak bercadang untuk mengubah kaedah pengambilan berasaskan merit dan kompetensi calon** yang diamalkan pada masa ini.

Sekian, terima kasih.

SULIT

SOALAN NO: 44

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2018

SOALAN : 44

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah kos ditanggung oleh Kerajaan untuk membiayai lawatan Perdana Menteri dan isteri ke luar negara selepas Pilhan Raya Umum ke 14 sehingga kini.

SULIT

JAWAPAN: **YB DATUK LIEW VUI KEONG**

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos keseluruhan lawatan ke luar negara oleh YAB Perdana Menteri dan delegasi sejak dilantik sehingga kini adalah berjumlah **RM6,308,707.66** melibatkan 8 lawatan rasmi. Kos perbelanjaan ini dibayar sewajarnya seperti mana termaktub dalam Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 [Akta 237] dan perbelanjaan ini merangkumi perbelanjaan pegawai pengiring yang turut serta dalam setiap lawatan YAB Perdana Menteri.

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD AMZAD BIN MOHAMED
@ HASHIM [KUALA TERENGGANU]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2018

SOALAN : 45

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adalah Kerajaan berhasrat untuk menggubal Akta baru bagi menggantikan SOSMA yang mahu dimansuhkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan sedang mengkaji semua undang-undang berkaitan keselamatan termasuklah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA). Dalam hal ini, satu Jawatankuasa Khas yang dianggotai oleh pihak-pihak yang berkaitan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Peguam Negara (AGC), Badan Peguam Malaysia, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dan badan bukan kerajaan (NGO) telah ditubuhkan untuk menilai dan memperhalus setiap peruntukan dalam undang-undang berkenaan dengan terperinci.

Memandangkan kajian tersebut masih dijalankan, Kerajaan belum memutuskan sama ada undang-undang tersebut perlu dipinda atau dimansuhkan atau undang-undang yang baru perlu diwujudkan.

Kerajaan memberi jaminan bahawa pindaan atau pemansuhan terhadap undang-undang berkenaan tidak akan menjejaskan usaha kerajaan dalam memelihara keselamatan negara daripada pelbagai ancaman termasuklah ancaman daripada kumpulan pengganas dan jenayah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SERI DR. RONALD KIANDÉE
KAWASAN : BELURAN
TARIKH : 16 OKTOBER 2018

SOALAN

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta MENTERI
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan:**

- (a) status perbincangan Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP); dan
- (b) apakah tahap keyakinan Kementerian bahawa perjanjian ini akan menguntungkan ekonomi negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) kini telah diratifikasikan oleh negara Mexico, Jepun dan Singapura. Ia memerlukan sekurang-kurangnya 6 negara untuk meratifikasikan Perjanjian tersebut sebelum ia boleh dikuatkuasakan.

2. Berdasarkan kepada Analisa Kos dan Faedah yang telah dilaksanakan semasa Negara menyertai rundingan Perjanjian tersebut, sekiranya Malaysia meratifikasikan CPTPP, ianya akan membolehkan Malaysia menyertai akses pasaran negara-negara CPTPP yang mempunyai gabungan keluaran dalam negara kasar (KDNK) berjumlah USD10 trillion (RM41.6 trilion) dan akan terus berkembang melalui penyertaan negara-negara lain dalam CPTPP pada masa depan. Dalam keadaan ekonomi semasa yang tidak menentu disebabkan oleh konflik perdagangan di antara negara China dan Amerika Syarikat, tindakan negara-negara tertentu yang bersifat *protectionist* dengan mengenakan halangan-halangan bukan tarif serta menaikkan tarif ke atas produk tertentu serta dasar monetari (*monetary policy*) yang bersifat *contractionary*, maka Kerajaan perlu memastikan sebarang keputusan yang diambil mengenai CPTPP akan memberi kebaikan kepada Malaysia secara keseluruhannya.

SOALAN NO : 47

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH

KAWASAN : PAYA BESAR

TARIKH : 16 OKTOBER 2018, SELASA

SOALAN :

YB TUAN MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah rancangan Kerajaan dalam menaiktaraf jalanraya yang sedia ada menghubungkan kawasan Sri Jaya ke kawasan Gambang serta jala raya daripada Susur Tol Kuantan ke Bandar Sungai Lembing memandangkan iaitu merupakan jalan perhubungan yang amat penting dalam meningkatkan kegiatan pelancongan dan sosioekonomi masyarakat setempat.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini tiada perancangan untuk menaiktaraf jalan raya sedia ada. Ini adalah kerana berdasarkan semakan melalui stesen bancian dan isipadu trafik lalulintas terkini di kawasan Maran dan Kuantan mendapati bahawa Tahap Perkhidmatan Jalan (*Level of Service*, LOS) berada pada tahap LOS A di mana aliran trafik masih lancar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini telah mengangkat permohonan Projek Menaiktaraf Menaiktaraf Jalan Sungai Lembing dari Susur Tol Kuantan ke Pekan Sg Lembing, Kuantan, Pahang di dalam *Rolling Plan 1* (RP1), RMKe-11. Namun demikian, berdasarkan kepada aliran trafik yang masih lancar serta keutamaan projek, cadangan tersebut tidak mendapat kelulusan dari Agensi Pusat dalam tempoh berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN HJ. HASBI B. HABIBOLLAH (LIMBANG)

TARIKH : 16 OKTOBER 2018

SOALAN : 48

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah status terkini pembukaan CIQ baru di Pandam, Limbang, Sarawak (Malaysia) dan Lumapas (Brunei) yang akan memendekkan perjalanan dari Limbang ke Brunei dan juga akan menjana pertumbuhan ekonomi untuk penduduk Limbang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan belum mempunyai sebarang perancangan untuk pembinaan Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin (CIQ) di Kampung Pendam, Limbang, Sarawak bagi perancangan melibatkan aspek pembangunan di dalam Rancangan Malaysia Ke-11. Mana-mana cadangan untuk pembukaan pintu masuk di antara Kerajaan Malaysia dan Brunei Darussalam perlu mendapat persetujuan bersama daripada Kerajaan Brunei Darussalam selain menerima permohonan daripada Kerajaan Negeri Sarawak.

Kementerian Dalam Negeri (KDN) juga mengambil maklum mengenai keperluan pembukaan Pos Kawalan ICQS di Kampung Pendam, Limbang seperti yang dimaklumkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak selaras dengan pembangunan Projek Lebuhraya Pan Borneo yang akan memendekkan perjalanan dari Limbang ke Brunei. Sehubungan itu, KDN telah mengambil inisiatif dengan mengadakan beberapa siri perbincangan termasuk sesi libat urus melibatkan Jabatan Imigresen Negeri Sarawak, wakil dari Residen Limbang dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak pada 8 Februari 2018.

Walau bagaimanapun, perancangan terkini berkaitan keperluan pembangunan Pos Kawalan ICQS Kampung Pendam, Limbang akan diselaraskan tertakluk kepada dapatan kajian semula jajaran Projek Lebuhraya Pan Borneo yang mana kini sedang dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya (KKR).